Abul 'Ala Maududi

Penterjemah

Ya'qub Muhammad Hussin Wan Salim Muhammad Nur

KANDUNGAN

PERTAMA: KONSEP HIDUP ISLAM 3
QAIDAH-QAIDAH DASAR 3
IMAN: WATAK DAN SIFATNYA 6
MANHAJ HIDUP 12
TUJUAN-TUJUAN DAN SIFAT-SIFAT MANHAJ HIDUP MUSLIM 14
MA'RUFAT 15
MUNKARAT 16
BEBERAPA SIFAT IDEOLOGI ISLAM 16
KEDUA: SISTEM AKHLAQ 18
KETIGA: SISTEM POLITIK 28
MATLAMAT KERAJAAN/PEMERINTAHAN ISLAM 31
KEEMPAT: SISTEM SOSIAL 36
KELIMA: SISTEM EKONOMI 41
KEENAM: SISTEM KEROHANIAN 46

PERTAMA: KONSEP HIDUP ISLAM

Ciri utama dari Din Al-Islam ialah ia tidak membenarkan sesuatu pertentangan, juga pemisahan yang ketara antara kehidupan kerohanian dan kehidupan dunia. Islam tidak sekadar membataskan dirinya untuk membina ketinggian kerohanian dan akhlaq semata-mata. Ruang lingkup peraturan yang dikemukakannya mencakupi segenap bidang kehidupan insan. la hendak melahirkan bukan sahaja ketertiban hidup diri perseorangan malah ketertiban hidup masyarakat manusia seluruhnya ke dalam pola-pola yang sihat dan bersih sehingga Kerajaan Allah dibangunkan dalam bentuk kenyataan di atas muka ini. Dengan demikian keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran akan memenuhi segenap pelusuk muka bumi dan saujana samudera.

Cara hidup Islam didasarkan atas satu pendekatan yang unik kemas serta mantap dan ia merupakan konsep istimewa tentang kedudukan insan dalam alam semesta ini. Itulah sebabnya mengapa perlunya kita memahami terlebih dahulu Tasawwur lslami (konsepsi hidup menurut ajaran Islam) sebelum kita menangani atau membincangkan persoalan ini, masyarakat, politik dan ekonomi dari kacamata Islam.

Langkah permulaan menuju perbincangan persoalan-persoalan yang disebutkan di atas harus dimulai dengan memahami dan menghargai beberapa kaedah dasar. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut:

I QA'IDAH-QA’IDAH DASAR

Allah Rabul 'Alamin - Dialah Pencipta. Penguasa dan Pemilik alam semesta, mencipta manusia dan menyediakan baginya tempat tinggal sementara di suatu tempat dari alam jagatnya yang luas yang dikenali sebagai bumi. Dia telah mengurniakan kepada manusia alat-alat berfikir dan memahami serta telah mengurniakan kemampuan membezakan antara yang Haq dengan yang Bathil. Manusia juga telah diberikan kebebasan dengan daya ikhtiar dan hak memilih malah ia juga diberikan kuasa untuk menggunakan sumber-sumber alam mengikut cara yang disukainya. Secara ringkas dapatlah dikatakan bahawa manusia telah diberikan satu kuasa autonomi di samping tugas kekhalifahan yang telah diamanahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepadanya (untuk menjaga dan memelihara muka bumi ini).

Sebelum mengamanahkan tugas kekhalifahan di atas muka bumi ini kepada manusia, Allah Subhanahu Wata'ala telah menjelaskan kepada manusia bahawa Dialah satu-satunya Pemilik, Penguasa dan Tuhan kepada alam ini. Dengan demikian seluruh isi alam dan segala ciptaan di dalamnya (termasuk manusia) wajib tunduk patuh hanya kepada Dia sahaja. Manusia mestilah tidak

memikirkan bahawa dirinya bebas tanpa sebarang peraturan dan dia sepatutnya tahu bahawa tempatnya di atas muka bumi ini bukanlah tempat yang kekal abadi baginya. Ia ditetapkan untuk tinggal di atas muka bumi hanya bagi suatu tempoh percubaan yang telah ditetapkan, dan kelak bila tepat tiba pada masanya ia dikembalikan kepada Pemiliknya untuk diadili sesuai dengan cara mana ia telah melaksanakan amanahnya dalam jangka waktu percubaan yang telah di alaminya.

Satu-satunya jalan yang benar untuk manusia ialah dengan mengakui bahawa Allah Subhanahu Wata'ala satu-satunya Tuhan dan Pemilik dan kepada petunjuk dan arahannya sahajalah manusia patut mengikutinya di dalam membina kehidupan. Manusia haruslah menyedari bahawa kehidupannya nanti akan diadili dan satu-satunya tujuan hidupnya ialah untuk mencapai MARDATILLAH (keredhaan Allah) bagi membolehkannya layak menerima balasan baik di Hari Akhirat. Sebarang sikap dan haluan yang bertentangan dengan perkara di atas akan membawa manusia kepada kesesatan dan kemusnahan. Sekiranya manusia mengikuti jalan yang baik, dan taqwa (yang ia adalah bebas untuk memilih dan mengikutinya) nescaya ia akan mendapati kejayaan di dunia dan di akhirat. Di dunia dia akan beroleh kehidupan yang aman damai dan puas manakala di akhirat nanti ia merupakan orang yang layak menerima balasan Syurga Allah (Al Jannah). Dan jika ia memilih jalan yang lain menafikan dengan peraturan-peraturan Tuhan dan jalan yang jahat (juga merupakan jalan yang ia bebas memilih dan mengikutinya) nescaya kehidupan dunianya menjadi kehidupan yang penuh dengan penyelewengan, penipuan, kefasiqan dan kekecewaan manakala di Akhirat nanti ia ditimpa bala derita, siksa kepedihan dan rintihan penyesalan yang tidak berpangkal di dalam neraka Jahim.

Sesudah memberikan peringatan ini, Allah Subhanahu Wata'ala telah menempatkan manusia di atas muka bumi dan menyediakan manusia yang pertama (iaitu Nabi Allah Adam dan Sayyidatina Hawa) dengan PimpinanNya dan manusia mesti menjalani kehidupan di atas muka bumi ini berpandukan ketentuan dan peraturan yang telah ditetapkanNya. Dengan demikian kehidupan manusia di atas muka bumi ini tidak dimulai dengan keadaan gelap gulita.

Manusia yang pertama itu telah disediakan dengan sinar cahaya yang terang benderang dan Hidayah bimbingan yang membolehkan manusia mencapai kehidupan yang gilang-gemilang. Manusia yang pertama (iaitu Nabi Adam 'Alaihissalam) menerima Ilmu Tanzil dari Allah sendiri. Baginda mempunyai ilmu tentang hakikat dan telah diberikan pula peraturan hidup yang apabila dipatuhi ia akan mencapai serta menikmati kehidupan yang diredhai dan berjaya. Peraturan ini ialah Islam, satu sikap tunduk patuh secara menyeluruh kepada

Allah, Dialah Pencipta manusia dan seluruh alam jagat ini. Agama inilah agama Nabi Allah Adam 'Alaihissalam, manusia pertama yang kemudiannya mewariskan kepada zuriat keturunannya.
Tetapi generasi-generasi kemudiannya secara beransur-ansur telah menyeleweng serta menyimpang dari jalan yang benar dan mula mengambil jalan-jalan dari suara-suara yang salah dan palsu. Disebabkan oleh kelalaian mereka sendiri, mereka telah kehilangan ajaran-ajaran asli, atau kerana kebodohan atau kejahilan, mereka telah memalsukan dan memutarbelitkan ajaran-ajaran tersebut. Mereka menyekutukan (syirik) Allah Subhanahu Wata'ala dengan manusia, makhluk-makhluk yang tidak bernyawa dan benda-benda khayalan mereka yang tidak terkira itu sebagai tuhan-tuhan dan dewa-dewa dan telah memasukkannya dalam bentuk syirik yang paling buruk dan jelek.

Mereka telah mencampuradukkan ajaran-ajaran suci dari Allah dengan dongengan-dongengan, fikiran-fikiran dan falsafah-falsafah yang akhirnya menghasilkan belantara agama (bermaksud banyak agama) dan budaya. Mereka telah membelakangkan prinsip-prinsip etika sosial dan akhlaq jama’ah yang diberikan oleh Allah, iaitu Shari'at dan mengecewakan hidup manusia dari kebahagiaan dan kedamaian.

Sekalipun manusia telah tersisih dari landasan kebenaran, mengabaikan dan memutarbelitkan SYARI'AT, malah terdapat sebahagian dari mereka yang memberontak terhadap peraturan-peraturan Ilahi. Namun begitu Allah tetap tidak membinasakan mereka atau memaksa mereka kepada jalan yang benar. Paksaan untuk mereka menerima jalan yang benar tentu sekali tidak serasi dengan autonomi yang telah Allah berikan kepada manusia. Sebaliknya Allah telah mengangkat orang-orang mulia yang tertentu dari kalangan mereka untuk memikul tanggungjawab memanggil semula dan membimbing manusia ke jalan kebenaran selagi mereka itu masih memenuhi ruang muka bumi ini. Mereka ini adalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hidup mereka merupakan hidup yang penuh ketaatan kepadaNya. Allah telah memuliakan mereka dengan wahyuNya dan memberikan mereka ilmu tentang Hakikat. Mereka ini dikenali sebagai Nabi-Nabi (Sallallahu 'alaihim Ajma'in) yang telah diberikan tugas menyampaikan Risalah kebenaran kepada manusia dan menyeru manusia supaya mengikuti jalan Allah Subhanahu Wata’ala.

Nabi-Nabi ini dibangkitkan di segala zaman, di segala negeri dan di dalam semua bangsa. Bilangan mereka melebihi ribuan orang. Mereka semuanya membawa risalah yang sama, mengutarakan cara hidup yang sama (Din) - iaitu cara yang ditanzilkan kepada manusia sejak hari pertama kewujudan. Mereka semuanya mengikuti petunjuk (Hidayah) yang sama: petunjuk yang dikurniakan oleh Allah untuk manusia sejak hari pertama kehidupannya di atas muka bumi. Mereka semuanya berjuang untuk risalah yang sama; mereka menyeru manusia kepada

Agama Islam, meminta mereka yang telah menerima petunjuk Allah supaya menjalani kehidupan mengikut peraturan-peraturan Allah dan berusaha membawa mereka di dalam satu jama'ah gerakan untuk menegakkan undang-undang Allah dan mengakhiri penyelewengan-penyelewengan dari jalan kebenaran.

Setiap Nabi telah berusaha memenuhi tuntutan risalah ini dengan cara yang sebaik mungkin. Tetapi sebilangan manusia yang tidak kecil jumlahnya tidak sekali-kali menerima petunjuk mereka dan ramai dari mereka yang menerimanya pula, secara beransur-ansur sesat menyimpang selepas masa yang panjang berlaku. Mereka kehilangan petunjuk atau memutar-belitkannya dengan memasukkan perkara-perkara baru dan penyelewengan-penyelewengan.

Akhirnya Allah membangkitkan Nabi Muhammad Sallallahu'alaihi Wasallam di tanah Arab dan mengamanahkan kepada Baginda untuk menyempurnakan Risalah yang pernah diperintahkan kepada Nabi-Nabi sebelumnya. Risalah Nabi Muhammad ini adalah untuk seluruh manusia. Baginda mengemukakan kembali ajaran-ajaran Islam dalam bentuknya yang asal dan sekali lagi memberikan "Pedoman Hidup" dari Allah yang mereka telah kehilangannya dalam bentuknya yang asal.

Baginda telah mengumpulkan seluruh mereka yang telah menerima risalahnya ke dalam satu UMMAH yang bertanggungjawab membangunkan kembali kehidupan mereka sejajar dengan Islam dengan cara menyeru manusia kembali ke jalan kebenaran dan untuk menegakkan Kalimatullah sebagai kuasa tertinggi di atas muka bumi ini. "Pedoman Hidup" ini telah termaktub di dalam kitab suci Al Quran yang merupakan satu-satunya peraturan hidup yang benar bagi umat manusia.

II IMAN: WATAK DAN SIFATNYA

Demikianlah beberapa kaedah dasar yang dimaksudkan perlu kita fahami dalam melihat kehendak Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menyediakan kepada manusia pedoman-pedoman hidup manakala di sudut lain Allah telah menjelaskan tentang watak, kedudukan dan darjat manusia di dalam alam jagat yang luas ini.

Sekarang marilah kita mengkaji dasar-dasar yang di atasnya Al Quran menegakkan hubungan manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan konsepsi hidup yang dengan sendirinya lahir dari perhubungan tersebut.

Al Quran telah menjelaskan permasalahan di atas di beberapa tempat tetapi keseluruhan konsep hidup sebagai yang digambarkan telah tersimpul di dalam

ayat berikut:

۞ إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَـٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا فِى ٱلتَّوْرَىٰةِ وَٱلْإِنجِيلِ وَٱلْقُرْءَانِ ۚ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِعَهْدِهِۦ مِنَ ٱللَّهِ ۚ فَٱسْتَبْشِرُوا۟ بِبَيْعِكُمُ ٱلَّذِى بَايَعْتُم بِهِۦ ۚ وَذَٰلِكَ هُوَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿١١١﴾

> Maksudnya: "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala telah membeli diri orang-orang Mu'min, jiwa-jiwa mereka dan harta kekayaan mereka dengan menyediakan bagi mereka Al Jannah (syurga). Mereka berperang di jalan Allah, mereka membunuh (musuh-musuh Allah) dan mereka dibunuh (oleh musuh- musuh Allah). (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al Quran. Dan siapakah yang lebih menepati janjinya (selain) daripada Allah? Maka bergembiralah dengan jual beli yang telah kamu lakukan itu, dan itulah kemenangan yang besar." (Surah Al-Taubah: ayat 111)

Dalam ayat di atas hubungan yang wujud di antara manusia dengan Allah adalah atas landasan IMAN (perilaku yang penuh sedar meletakkan kepercayaan kepada Allah) telah dipanggil 'penjualan'. Ini bermakna bahawa beriman dengan Allah bukanlah satu konsep metafisik semata-mata; ia merupakan satu corak 'perjanjian' dalam mana manusia menyerahkan seluruh kehidupan dan harta miliknya kepada Allah dengan mendapat tukaran syurga yang telah dijanjikan baginya di Akhirat nanti. Dapatlah dikatakan bahawa Allah memberi kehidupan dan harta milik orang-orang yang beriman serta berjanji dengan hanya balasan adalah Syurga bagi kehidupan sesudah mati. Konsep 'penjualan' ini mempunyai natijah yang amat penting dan dengan demikian kita mestilah terlebih dahulu memahami watak dan maknanya dengan sejelas-jelasnya.

Kedudukan sebenar perkara ini ialah bahawa setiap benda di dalam dunia ini adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala. Dialah Pemilik sebenar bagi segala benda. Dengan demikian kehidupan manusia dengan segala kekayaannya juga adalah milik Allah kerana Dialah yang mencipta mereka dan memberikan tanggungjawab kepada setiap insan menggunakan benda-benda itu (dengan cara yang hak). Melihat permasalahan dari sudut ini, sebarang persoalan mengenai jualan dan belian tidak timbul sama-sekali. Allah adalah pemilik sebenarnya. Oleh yang demikian tidak timbul persoalan Ia membeli sesuatu yang telah

memang menjadi miliknya. Sebaliknya manusia bukanlah pemilik sebenar segala yang dimaksudkan dan dengan demikian manusia tidak mempunyai apa-apa hak untuk menjualnya.

Namun demikian ada satu perkara yang Allah kurniakan kepada manusia, yang sekarang menjadi milik penuh untuk dirinya iaitu 'kebebasan ikhtiar'; kebebasan untuk mengikuti atau mengingkari jalan Allah. Oleh kerana manusia telah dikurniakan dengan kebebasan itu dia adalah bebas untuk mengakui atau tidak kebenaran sesuatu perkara. Sekalipun manusia mempunyai kebebasan kehendak dan kuasa memilih, ini tidaklah bermakna ia menjadi pemilik sebenar segala tenaga dan sumber yang dikuasainya, juga tidak bermakna ia boleh menggunakannya mengikuti kemahuan dirinya sendiri sama sepertimana pengakuan atau penolakan sesuatu kebenaran itu tidak akan memberi bekas kepada kebebasan itu, begitulah 'kebebasan' itu bererti ia bebas mengakui atau menolak kedaulatan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas kehidupan dan harta bendanya. Sebaliknya dia meletakkan dirinya sendiri untuk bertindak secara mutlak.

Jika ia mahu berbuat demikian ia boleh menganggap dirinya bebas dari sebarang ikatan peraturan dengan Allah dan boleh berfikir bahawa ia menikmati hak-hak dan kekuasaan secara mutlak ke atas semua perkara yang dimilikinya dan dengan semikian ia boleh menggunakan segala-galanya itu menurut kehendaknya sendiri tanpa terikat dengan mana-mana peraturan yang lebih tinggi darinya. Di sinilah sebenarnya timbul masalah 'jualan' tadi. Penjualan itu tidak bermakna bahawa Allah memberi sesuatu yang dimiliki oleh manusia. Inilah watak yang sebenarnya.

Semua makhluk adalah kepunyaan Allah tetapi la telah mengurniakan barang-barang tertentu kepada manusia untuk digunakan sebagai satu amanah dariNya. Dan manusia telah diberikan kebebasan untuk menunaikan amanah Allah itu secara jujur atau kalau dia disukainya dia akan menyalahgunakan dan berbuat derhaka terhadap Allah.

Allah telah menuntut agar manusia dengan rela (tanpa sebarang tekanan dan paksaan) sanggup segala barang-barang tadi sebagai milikNya dan wajib menggunakannya sebagai satu amanah dari Allah dan bukan mengganggapnya sebagai hak milik pensendirian yang boleh digunakan mengikut kehendak hatinya. Oleh yang demikian manusia yang secara sukarela menolak kebebasan itu malah menolak kekuasaan tertinggi dari Allah dan sebagai ganti pengakuannya terhadap kekuasaan Allah tentulah dapat dikatakan dia telah menjual autonominya (yang juga merupakan suatu kurniaan dari Allah dan bukanlah sesuatu yang manusia memperolehinya dari dirinya sendiri) kepada Allah, dan sebagai balasan yang telah Allah janjikan ia menerima balasan Syurga

yang kekal abadi.

Seseorang yang melakukan penjualan seperti itu adalah seorang Mu'min dan IMAN adalah gelaran yang diberikan oleh Islam kepada 'iqrar setia' ini, sementara sesiapa yang memilih untuk tidak memasuki 'iqrar setia' ini dan mengambil satu jalan yang berlawanan dengan Islam, maka ini bererti batallah perjanjiannya dengan Allah dan ia adalah KAFIR dan percubaannya mengkhianati atau meleburkan janjinya dengan Allah itu diistilah sebagai KUFUR.

Itu adalah bentuk 'ikatan'. Sekarang marilah kita mengkaji secara ringkas berbagai-bagai aspek dan ketentuan-ketentuannya:

1. Allah Subhanahu Wata'ala menguji kita dengan dugaan-dugaan yang hebat dalam dua perkara:
a) Ia telah membiarkan manusia hidup bebas. Namun demikian setelah diberi kebebasan ia ingin melihat samada manusia itu menyedari kedudukannya atau tidak; samada ia masih jujur dan bersikap gagah dan memelihara kesetiaannya kepada Allah atau ia kehilangan pedoman dengan memberontak terhadap Penciptanya; atau ia bergelagat sebagai suatu jiwa yang mulia atau memijak-mijak nilai-nilai budisusila dan melakukan penipuan-penipuan sehingga Malaikat-Malaikat menangis kepiluan lantaran jelek dan ngeri budinya.
b) Dia (Allah) ingin melihat sama ada manusia bersedia untuk yakin kepada Allah yang menawarkan kehidupan dan harta kekayaannya dengan balasan-balasan yang telah dijanjikan bagi kehidupan di Hari Akhirat dan Allah ingin melihat sama ada ia bersedia atau tidak untuk rela patuh menyerahkan kuasa autonomi dan segala kemanisan dan kelazatannya dengan merelakan dirinya menerima balasan janji sebagai bekal masa depannya.

2. Ia adalah menjadi satu prinsip hukum Islam yang telah diterima bahawa IMAN merupakan kepahitan dan ketaatan kepada satu rangkai ajaran (doktrines) dan sesiapa saja yang berpegang kepada ajaran-ajaran tersebut mereka menjadi seorang yang Mu'min. Tidak ada siapa pun yang berhak mencela mereka sebagai orang yang tidak beriman atau pun mengeluarkan mereka dari ikatan kesatuan ummah, kecualilah kalau terdapat bukti-bukti yang jelas tentang kepalsuan dan pengingkaran iman mereka. Ini adalah aspek hukum kepada masalah tersebut. Tetapi pada pandangan Allah Subhanahu Wata'ala IMAN itu mempunyai nilai hanya apabila kemahuan dan pilihan manusia itu tunduk patuh sepenuhnya kepada perintahNya. Di sinilah terletaknya pemikiran dan tindakan di mana diri manusia patuh mentaati sepenuhnya kepada Allah dengan menafikan runtunan nafsu dan ketinggian dirinya. Ini adalah sesuatu yang datangnya dari sudut hati sanubari. Inilah satu sikap oleh orang yang waras dan punya persediaan dalam sesuatu tindakan tertentu.

Jika seseorang itu mengungkapkan Kalimah Shahadatain membuat iqrar mentaati ajaran Allah, malah mengerjakan sembahyang dan melakukan lain-lain ibadat tetapi di dalam hatinya ia masih mempunyai rasa dialah yang berhak ke atas dirinya dan dialah juga yang menguasai dan menentukan kekuatan anggota tubuh badan dan daya pemikirannya; dan dengan akhlaq dan sumber kebendaannya dia menggunakan semua itu mengikut kehendaknya dan terus bersikap degil melayani pegangannya sebabnya banyak manusia sekalipun melihatnya sebagai Mu'min, Allah tetap tidak melihatnya sebagai Mu'min malah ia, tidaklah termasuk dalam tawaran penjualan yang disebut oleh Allah di dalam kitab Suci Al Quran kerana perilaku demikian tidak langsung mengandungi unsur-unsur IMAN.

Kalau seorang manusia itu tidak menggunakan kuasa dan sumber-sumber mengikut jalan yang telah diperintahkan oleh Allah malah dia menggunakan dengan cara dan untuk tujuan yang terlarang, maka tindakan demikian jelas sekali ia tidak menjanjikan kehidupan dan hartanya kepada Allah atau kalau pun telah dijanjikannya, dia mengkhianati perjanjian tersebut dengan amalan-amalan atau perbuatan- perbuatannya sendiri.

3. Watak Iman membuatkan cara hidup Islam berkerja dan sangat berbeza dari cara hidup yang bukan Islam. Seorang Muslim yang benar IMANnya kepada Allah, membentuk seluruh aspek hidupnya patuh mentaati kehendak Allah. Seluruh hidupnya adalah satu pengabdian dan kepatuhan dan dirinya tidak bertindak laku dengan cara yang angkuh atau mengikut jalan sendiri kecuali ia melakukannya dalam keadaan terlupa. Tetapi selepas kembali sedar ia segera bermohon keampunan kepada Allah dan bertaubat dari kesalahannya.

Begitu juga sekumpulan manusia atau masyarakat yang dianggotai oleh orang yang benar-benar beriman tidak akan menyimpang dari undang-undang Tuhan mereka. Peraturan-peraturan politik, system undang- undang dan strategi antarabangsanya mestilah segala-galanya selaras dengan alasan-alasan pimpinan yang telah diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan mestilah tidak sedikitpun berlawanan denganNya. Dan kalaulah terjadi kesalahan atau tertinggal mana bahagian ia mestilah dibetulkan segera bila disedari dan kembali kepada garis-garis yang telah ditentukan oleh Allah. Hanya golongan kafir sahaja yang merasa lepas bebas dari pimpinan Tuhan dan bertindak sesuka hati mengikut kemahuan. Barangsiapa bertindak atas dasar demikian, sekalipun mempunyai gelaran nama yang sama dengan seorang Islam (Muslim), ia adalah seorang yang mengikuti jejak Syaitan dan mengikuti jalan golongan-golongan orang yang KAFIR.

4. Kehendak Tuhan, yang berkewajipan untuk diikuti oleh manusia, adalah

satu-satunya yang Tuhan sendiri telah mewahyukan sebagai petunjuk kepada manusia. Kehendak Allah itu bukanlah hak manusia untuk menentukannya. Tuhan sendiri telah menyatakannya secara jelas dan tiada keraguan mengenainya. Oleh yang demikian kalaulah seorang atau sesuatu atau sesuatu masyarakat itu jujur, mulia dan tegas dalam perjanjian dengan Allah, ia berkewajiban membentuk seluruh segi kehidupannya menurut (peraturan- peraturan yang termaktub dalam) Kitab Allah dan Sunnah RasulNya Sallallahu 'Alaihi Wasallam dengan satu pandangan yang mudah akan dapat dilihat bahawa semua aspek-aspek dan ketentuan-ketentuan ini secara logiknya sudah terkandung di dalam penjualan itu dan adalah nyata sekali dari perbincangan di atas mengapa bayaran 'harga' itu ditangguh hingga kepada Hari selepas kematian (kehidupan di Alam Akhirat).

Syurga bukanlah anugerah kerana pengakuan Iman semata-mata tetapi ia adalah satu anugerah sebagai balasan kepada perlaksanaan dari pengakuan iman yang telah diiqrarkan. Jika tidak perjanjian itu ditunai sepenuhnya dan tabiat hidupnya benar telah serasi dengan persyaratan 'janji' maka ia tidak berhak kepada balasan sedemikian. Oleh itu tindakan terakhir dari 'penjualan' itu dikira hanya pada waktu-waktu akhir kehidupan si penjual dan adalah sesuatu pembalasan diberikan untuknya di alam Akhirat.

Satu lagi perkara penting akan timbul dari pengkajian Ayat (Al Qur'an) yang tersebut apabila ianya dibaca dengan merujuk perkara yang berhubungan. Dalam ayat-ayat lain yang mendahuluinya, rujukan telah dibuat kepada orang-orang yang mengaku diri mereka beriman dan berjanji untuk setia dalam mentaati Allah, tetapi apabila tiba ujian-ujian daripada Allah terbuktilah kepalsuan pengakuan mereka. Sebahagian dari mereka cuai dengan panggilan waktu malah ada yang mengkhianati perjuangan Islam. Manakala sebahagian yang lain pula bersikap munafiq dan enggan untuk mengorbankan kesenangan dan kemewahan hidup mereka demi perjuangan di jalan Allah.

Selepas menjelaskan tentang hal-hal orang seperti ini dan mengecam sifat yang tidak ikhlas dan pura-pura itu Al Quran telah menjelaskan bahawa IMAN adalah satu 'perjanjian' - yakni satu bentuk janji dari manusia kepada Allah. Ianya bukanlah semata-mata pengakuan percaya kepada Allah. Ianya adalah satu pengakuan bahawa hanya Allah sahaja Tuhan kita, Dialah yang menjadi Pemerintah Tertinggi, Penguasa dan seluruh benda yang ada pada manusia termasuk kehidupannya adalah milik Allah dan dengan demikian manusia berkewajipan mengguna benda-benda tersebut mengikut ketetapan dari Allah. Jika seseorang Muslim mengambil sesuatu peraturan lain yang bertentangan dengan Islam, dia sudah tidak lagi berlaku jujur dehgan iqrar keimanannya. Orang-orang yang benar IMANnya ialah orang-orang yang menjual seluruh hidupnya dan apa saja yang dimilikinya kepada Allah dan orang-orang yang

mengikuti segala perintah Allah dalam semua bidang kegiatan. Mereka mempertaruhkan segala-segala yang ada dalam menegakkan perintah- perintah Allah dan tidak sedikitpun menyimpang dari jalan dan ketaatan kepada Allah Rabul 'Alamin. Itulah sahaja orang-orang yang benar-benar beriman.

III MANHAJ HIDUP

Perbahasan di atas memperlihatkan dengan jelas bahawa Islam memulakan manhajNya dengan meletakkan garis-garis panduan yang tersusun rapi dan di atasnyalah hubungan manusia dengan Pemiliknya diwujudkan; seluruh kehidupan diri perseorangan dan masyarakat merupakan pelaksana dalam membina dan memperkukuhkan hubungan ini. IMAN merupakan titik-tolak kepada Agama (Ad Din) kita, terangkan di dalam penerimaan hubungan ini oleh akal dan kehendak manusia dan Islam adalah sebenar-benar kepatuhan dan pengabdian, (yaitu) satu-satunya cara penyerahan kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi seluruh aspek kehidupan dan tabiat.

Sekarang kita telah berada di atas kedudukan yang dapat meninjau pandangan dan manhaj hidup yang dituntut Islam. Manhaj hidup ini - peraturan-peraturan dalam tindak-tanduk - dikenali sebagai SYARI'AT. Sumber-sumber Syari'at pula ialah Al Quran Al Karim dan Sunnah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam.

Kitab Allah yang terakhir dan RasulNya yang penyudah sedang tegak berdiri sebagai khazanah kepada kebenaran itu dan kedua-duanya mengundang manusia seluruhnya agar menerima kebenaran. Allah Yang Maha Berkuasa telah menganugerahkan manusia dengan IKHTIAR atau kebebasan melaksanakan kehendaknya dalam bidang akhlaq dan dalam hubungan IKHTIAR inilah yang dikaitkan dengan maksud menerima kebenaran (yakni manusia bebas memilih kebenaran atau kekafiran kerana kedua-dua mempunyai perbezaan yang jelas). Dengan demikian penerimaan (kebenaran) adalah atas dasar rela menerima dan bukan paksaan.

Sesiapa saja yang bersetuju menerima (dengan ikhlas hati) Konsep Hakikat yang dibawa oleh Rasulullah dan termaktub dalam Kitab Suci Al Quran itu sebagai benar, maka wajar baginya untuk mara ke hadapan dan menundukkan kehendak dirinya kepada kehendak dan tuntutan Allah. Penyerahan tunduk patuh inilah yang dinamakan ISLAM, pancaran dan pembuktian dari IMAN dalam kehidupan 'amaliyyah dan barang siapa yang berbuat demikian - yakni sesiapa yang mengikhlaskan dirinya menerima Allah sebagai Pemerintah Tertinggi dan tunduk patuh kepada kehendakNya yang mulia (kerana manusia wajib memuliakan kehendak dan peraturan Allah) serta berusaha menyusun atur kehidupan mereka selaras dengan tuntutan-tuntutan Allah Subhanahu Wata'ala dan itulah golongan yang digelar Muslim dan Muslimin.

Semua mereka yang tunduk patuh kepada kehendak Allah dengan cara demikian (secara tidak langsung) menwujudkan satu masyarakat (yang mempunyai keseragaman dalam asas-asas bertindak) dan dengan cara inilah 'Masyarakat Islam' terbentuk. Demikianlah caranya satu masyarakat yang tegak atas dasar 'AQIDAH - satu masyarakat yang wujudnya berbeza sekali dari masyarakat yang diasaskan atas dasar keta'suban bangsa, warna kulit atau sempadan kenegerian. Masyarakat Islam adalah wujud hasil dari kebebasan memilik dan kemampuan penglibatan anggota-anggotanya: Inilah hasil (Ikatan setia yang terjadi antara manusia dengan Penciptanya Yang Maha Agung. Sesiapa saja yang memasuki 'Perikatan Setia' ini telah mengambil tanggungjawab mengakui Allah 'Azzawajalla sebagai Pemerintah Tertinggi mereka, pimpinanNya sebagai pemimpin yang paling tinggi bagi mereka dan ajaran-ajaranNya sebagai hukum-hukum yang mutlak untuk mereka. Mereka juga telah mengambil tang-gungjawab untuk menerima tanpa sebarang soal dan syak meragui tentang pembahagian baik atau buruk, benar atau salah, dibenarkan (diharuskan) atau diharamkan, yang telah ditetapkan olehNya.

Dengan kata-kata yang ringkas dapatlah dikatakan 'Masyarakat Islam' adalah masyarakat yang bersetuju secara sukarela untuk membataskan kehendak-kehendak mereka sebagai yang telah ditetapkan oleh Allah, Tuhan Yang Pengetahuan meliputi segala sesuatu. Atau dengan lain perkataan, Iradah Allah merupakan sumber perundangan yang utama dan bukan manusia itu sendiri dalam sebuah 'Masyarakat Muslim'.

Apabila masyarakat tersebut muncul menjadi kenyataan, Al Quran dan Rasulullah telah menetapkan bagi masyarakat ini satu peraturan hidup yang dinamakan 'Syari'at' dan masyarakat ini dituntut patuh kepadaNya kerana sebelumnya mereka telah terlibat dalam perikatan setia dengan Allah. Oleh yang demikian tidaklah dapat dibayangkan bagaimana sesuatu masyarakat Muslim yang telah memakai gelaran nama yang mulia itu boleh dengan bebas menerima dan menyesuaikan satu sistem hidup yang lain bagi menggantikan Syari'at yang telah dikhaskan untuk mereka. Jika terjadi demikian, 'janji setia' mereka dengan sendirinya (ipso facto) terurai atau terbatal dan seluruh masyarakat tidak lagi bersifat Islam (La Islamiyyah).

Namun demikian kita mestilah dengan jelas membezakan antara dosa-dosa dan pelanggaran yang dilakukan oleh individu dengan perlanggaran-perlanggaran dan penderhakaan yang menyanggah syariah. Yang pertama tidaklah membawa maksud pembatalan 'ikatan setia' tetapi yang kedua sudah pasti tidak lari dari maksud yang satu itu (iaitu terbatallah 'ikatan setia' itu). Satu perkara yang mesti difahami dengan jelas di sini ialah jika masyarakat Islam secara sedar memutuskan untuk menolak Syari'at dan membuat perlembagaan dan

undang-undangnya sendiri atau meminjamnya dari sumber-sumber yang lain dengan menolak sama sekali Syari'at, masyarakat itu telah merobohkan ikatan setia mereka dengan Allah dan telah melepaskan hak mereka untuk digelar sebagai Islamiyyah atau bersifat Islam.

IV TUJUAN-TUJUAN DAN SIFAT-SIFAT MANHAJ HIDUP ISLAM

Sekarang kita pergi ke perbincangan seterusnya untuk memahami Manhaj hidup sebagaimana yang telah dituntut oleh Syari'at. Untuk memahaminya terlebih dahulu kita perlu memahami dengan jelas terhadap tujuan-tujuan dan dasar-dasar Syari'at.

Tujuan utama Syari'at ialah untuk membentuk kehidupan manusia atas dasar Ma'rufat (nilai-nilai kebajikan dan kemuliaan) dan menghindari dari yang mungkar (perkara-perkara yang mendatangkan dosa dan kerosakan). Istilah Ma'rufat di dalamnya terangkum segala maksud nilai-nilai kebajikan, kemuliaan dan taraf yang tinggi yang merupakan nilai-nilai yang diakui baik dan mulia oleh manusia. Sebaliknya, kalimat Munkarat merangkumi segala maksud dosa dan kejahatan yang senantiasa dikutuk dan dibenci oleh manusia sebagai kejahatan. Ringkasnya Ma'rufat adalah nilai-nilai atau perkara-perkara yang serasi dengan tabi'ie dan keperluan manusia keseluruhannya manakala Munkarat adalah hal-hal yang berlawanan. Syari'at telah memberikan satu gambaran yang terang dan jelas tentang Ma'rufat dan Munkarat dan telah menetapkannya sebagai nilai susila yang wajib dipatuhi oleh individu mahupun masyarakat.

Namun demikian Syari'at tidak pula membataskan peranannya sekadar untuk menyediakan kita senarai kebajikan-kebajikan dan kejahatan-kejahatan sahaja; ia meletakkan (garis-garis dasar) bagi seluruh skema kehidupan manusia demikian rupa sehingga kebajikan-kebajikan dapat berkembang dengan sihat dan kejahatan-kejahatan tidak ada kesempatan untuk mencemari dan memusnahkan kehidupan manusia.

Untuk mencapai tujuan ini, Syari'at telah memasukkan ke dalam Manhajnya semua faktor-faktor yang menggalakkan pertumbuhan perkara-perkara yang baik dan mengajukan pula langkah-langkah yang perlu diambil untuk menghadapi dan membolosi rintangan-rintangan yang boleh menghalang pertumbuhan dan pembangunan. Proses ini menimbulkan satu lagi siri Ma'rufat yang mengandungi sebab-sebab dan cara-cara menumbuhkan dan memupuk kebaikan dan satu lagi siri Ma'rufat yang mengandungi perintah-perintah larangan dalam hubungannya dengan perkara tertentu yang bertindak sebagai pelindung dan rintangan- rintangan bagi kebajikan itu. Begitu juga terdapat satu senarai Munkarat yang memungkinkan tercetus dan berkembangnya kejahatan.

Syari'at membentuk masyarakat Islam dengan satu cara yang dapat membawa pertumbuhan yang lancar bagi kebajikan, kebaikan dan kebenaran dalam setiap lapangan kegiatan manusia dan memberikan kebebasan penuh kepada kekuatan kebajikan untuk bergerak dari segenap sudut. Di waktu yang sama ia merubah dan menjungkir semua bentuk rintangan yang menghalang jalan menuju kebajikan itu. Bersama-sama dengan ini, ia berusaha untuk menghapus kejahatan -kejahatan dari hidup masyarakatnya dengan cara melarang kejahatan- kejahatan; membuang sebab-sebab yang menimbulkannya; menutup lubang-lubang yang menjadi saluran penularan masuk ancaman dan mengambil tindakan mengancam supaya terhindar kejahatan yang tidak diingini.

MA'RUFAT

Syari'at membahagikan Ma'rufat kepada tiga bahagian;

1. Fardhu'ain wajib (perkara-perkara yang diperintahkan kita melakukannya, jika dilaksanakan mendapat pahala dan berdosa jika ditinggalkan - penterjemah).
2. Sunat dan Matlub (perbuatan atau 'amalan yang digalakkan kita melakukannya dengan diberi pahala bila dilaksanakan dan tidak berdosa jika ditinggalkan - penterjemah).
3. Mubah (perkara yang tidak diberi pahala bila dikerjakan dan tiada berdosa jika ditinggalkan - penterjemah).

Ma'rufat yang pertama (Fardu), adalah wajib dilaksanakan oleh sesuatu masyarakat Islam dan Syari'at telah memberikan arahan-arahan dan peraturan yang sangat jelas. Bagi Ma'rufat yang kedua pula (Sunat) Syar'at menganjurkan dan inginkan agar masyarakat umat Muslimin mengambil tahu dan melaksanakannya. Beberapa bahagian daripadanya secara jelas dituntut kita melaksanakannya manakala sebahagian yang lain adalah dianjurkan secara isyarat dan kesimpulan dari Hadith-Hadith Rasulullah SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam sendiri.

Selain dari yang disebutkan terdapat peraturan-peraturan yang khusus dibuat untuk pertumbuhan dan penggalakkan kepada beberapa amalan dalam kehidupan yang telah ditetapkan oleh Syari'at. Yang lain-lainnya memang telah dianjurkan oleh Syari'at dengan menyerahkan kepada masyarakat atau anggota-anggotanya yang berilmu dan berwibawa untuk menjaga perkembangan atau peningkatannya.

Sekarang sampailah kita kepada Ma'rufat dalam kategori Mubah. Secara tegas dapatlah dikatakan bahawa menurut Syari'ah setiap sesuatu yang tidak dinyatakan laranganNya adalah dibolehkan (Mubah). Adalah tidak perlu satu pernyataan keizinan wujud untuknya atau dengan tegas ia harus diserahkan

kepada pilihan kita. Lantaran itu Ma'rufat yang Mubah ini sangatlah luas, keluasannya menggenapi berbagai perkara terkecuali perkara-perkara yang khusus telah dilarang oleh Syari'at. Semua perkara (kecuali yang termasuk dalam kategori yang lain) adalah Mubah bagi umat Islam. Dan inilah sesungguhnya suasana dan lapangan di mana kita berikan kebebasan dan mengatur kehidupan dengan peraturan-peraturan untuk menyesuaikan keperluan masa dan keadaan agar senantiasa bersesuaian dengan roh Syari'at Islamlyyah.

MUNKARAT

Munkarat (yakni perkara-perkara yang terlarang dalam Islam) telah dibahagikan kepada dua bahagian.

1. Haram (perkara-perkara yang telah dilarang atau diharamkan secara mutlak dan tidak boleh dipersoalkan lagi).
2. Makruh (perkara-perkara yang tidak digalakkan kita melakukannya. Jika dilakukan tidak berdosa tetapi apabila ia ditinggalkan diberi pahala).

Secara tegas dan jelas Islam telah mewajibkan ke atas penganut-penganutNya supaya meninggalkan sama sekali perkara-perkara yang telah dinyatakan larangannya (Haram). Begitu juga dalam perkara Ma'rufat, Syari'at menyatakan Islam tidak gemar yang demikian, dinyatakannya perkara yang tidak digalakkan itu secara terang-terangan atau dengan cara isyarat terhadap darjat perkara itu tidak disukai. Sebagai misal, terdapat beberapa perkara Ma1 rufat yang bersempadan dengan haram sedangkan yang lainnya berdekatan dengan perkara-perkara yang Mubah (atau dibolehkan). Yang sudah pasti jumlah perkara yang Makruh itu amatlah besar dan terletak antara dua kenyataan yang sangat nyata (perbezaannya) yakni perbuatan-perbuatan yang sama sekali dilarang (Haram) dan perbuatan-perbuatan yang dibolehkan (Mubah).
Selain dari itu terdapat dalam beberapa peraturan tertentu yang dinyatakan oleh Syari'at untuk tujuan menghalang perkara-perkara Ma'rufat manakala untuk yang lain-lainnya. Pengaturan-pengaturannya diserahkan kepada masyarakat atau orang perseorangan menentukannya.

BEBERAPA SIFAT IDEOLOGI ISLAM

Demikianlah Syari'at telah menetapkan arahan-arahan sebagai peraturan untuk mengatur kehidupan individu mahu pun masyarakat. Arahan-arahan ini merangkumi berbagai-bagai perkara sebagai 'Ibadat khususiyyat, perwatakan diri, akhlaq, kebiasaan, hubungan kekeluargaan, kebajikan sosial dan ekonomi, pentadbiran, hak-hak dan tanggungjawab warganegara, sistem keadilan, undang-undang perang dan damai dan hubungan antarabangsa. Ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa peraturan-peraturan itu merangkumi seluruh

aspek pergerakan hidup insan.

Petunjuk-petunjuk ini menjelaskan apa yang baik dan apa yang buruk; apa yang menguntungkan dan bermanfa'at apa yang salah dan yang membinasakan; apalah nilai-nilai kebaikan yang harus kita tanam dan kita galakkan, apakah pula kejahatan-kejahatan yang harus kita perangi dan menyekatnya; apa bidang yang diri perseorangan dan masyarakat boleh turut memberi sumbangan secara sukarela, apa batas-batasnya dan akhir sekali apa pula cara-cara dalam usaha menegakkan satu sistem masyarakat yang dinamik dan apa pula cara-gaya yang harus kita elak. Syari'at sesungguhnya adalah satu peraturan hidup yang sempurna dan merangkumi seluruh aspek kehidupan - tidak ada yang berlebihan dan tidak ada yang berkurangan.

Satu lagi ciri Syari'at yang menonjol ialah ianya adalah satu keseluruhan organik. Seluruh program hidup yang digariskan oleh Islam adalah dijiwai oleh semangat yang sama dan kerananya sebarang pembahagian atau permisahan dari program itu akan mencacatkan semangat mahupun susunan masyarakat Islam. Dalam hal ini ia bolehlah dibandingkan dengan tubuh badan manusia yang merupakan satu system organik. Sebelah kaki yang diceraikan dari badan manusia tidak boleh dipanggil satu per lapan atau satu per enam manusia, sebab selepas terpisah dari badan, kaki tidak lagi dapat menjalankan tugasnya untuk manusia. Malah untuk ditempatkan di badan haiwan lain sekalipun jangan diharap ia dapat berperanan. Begitu juga kita tidak dapat menetapkan satu pendapat yang jelas terhadap penggunaan, kemahiran dan kecantikan tangan, mata dan hidung manusia secara berasingan, tanpa menilai kedudukan dan tugasnya bersama badan manusia yang hidup.

Perkara yang sama dapat dikaitkan dengan program hidup telah dikemukakan oleh Syari'at Islam mengemukakan keseluruhan program hidup dan tidak sebarang bahagian terpisah dari induknya. Oleh itu amatlah tidak wajar satu-satu bahagian atau bahagian-bahagian dari Syari'at itu dipandang secara terpisah-pisah antara satu sama lain tanpa melihat keseluruhan sistem yang dikemukakan. Begitu juga tidak akan ada apa-apa faedah sekiranya diterima satu bahagian tertentu dan Syari'at dan dicantumkan pula dengan 'isme atau faham yang lain.

Syari'at akan hanya dapat berperanan dengan lancar dan dapat menunjukkan keberkesanannya jika seluruh sistem hidup diamalkan menurut ketentuan yang telah ditetapkan dan bukan sebaliknya.

KEDUA: SISTEM AKHLAQ[1]

Perasaan akhlaq adalah perasaan semulajadi yang mana Allah menciptakan manusia bersama dengannya. Kerana itu manusia terdorong untuk menggemari setengah-setengah sifat kemanusiaan dan membenci setengah-setengah sifat yang lain. Perasaan ini, meskipun berbeza-beza dan berlebih kurang kadarnya di antara berbagai-bagai individu manusia, namun perasaan bersama (common sense) - tanpa memandang kepada individu secara perseorangan masih terus menghukum setengah-setengah sifat tingkah laku sebagai sifat-sifat yang baik, dan setengah-setengah sifat yang lain pula sebagai sifat-sifat yang buruk. Kebenaran, amanah, keadilan dan kesetiaan dengan janji umpamanya, adalah sifat-sifat yang digolongkan oleh manusia ke dalam sifat-sifat tingkah laku yang layak dipuji dan disanjung dalam setiap peringkat zaman. Tetapi tidak pernah datang kepada manusia satu waktu di mana dia memandang baik kepada pembohongan, kezaliman, penipuan dan pengkhianatan. Begitu juga tentang tolong-menolong, berkasih sayang, bermurah hati, berlapang dada dan bertolak ansur, semuanya diberi penghargaan serta dijunjung tinggi oleh manusia di segenap waktu dan zaman. Sebaliknya sifat-sifat keakuan, degil, kikir dan berpandangan sempit itu tidak pemah dianggap oleh manusia sebagai sifat-sifat yang patut diberi penghormatan dan penghargaan. Manusia juga masih terus memulia dan memandang tinggi kepada sifat-sifat sabar, cermat, tabah, lemah lembut, keberanian dan ketinggian cita-cita. Tetapi dia menghina dan memandang rendah kepada sifat-sifat gopoh, terburu-buru, tidak tetap pendirian, dayus dan lemah cita-cita. Manusia masih lagi menganggap sifat-sifat menahan diri, menjaga maruah, berkelakuan baik dan suka bermesra dengan orang lain itu di antara perangai-perangai yang indah. Tetapi sifat-sifat suka mengikut kehendak nafsu, tidak pemalu, kurang sopan dan berkelakuan tidak senonoh itu, tidak mempunyai tempatnya di dalam lingkungan perangai-perangai yang dimuliakan oleh manusia. Seterusnya manusia masih lagi memuliakan sifat-sifat menjalankan tugas dengan sempurna, menunai janji, cergas dalam bekerja dan menyedari tanggungjawab. Tetapi dia tidak bersimpati kepada orang-orang yang meringankan tugas, tidak menunai janji, pemalas dan tidak serius bekerja dan tidak mempedulikan tanggungjawab yang terletak di atasnya.

Semua itu adalah merupakan sifat-sifat peribadi dan perseorangan sahaja. Ada pun hal-hal kemasyarakatan, baik dan buruknya, juga sifat-sifat masyarakat yang terpuji dan terkeji, maka segala-galanya dipandang oleh manusia dengan pandangan yang sama dan ditimbangkan dengan neraca yang satu. Tidak pernah diketahui masyarakat manusia yang patut disanjung dan dihormati, kecuali masyarakat yang mempunyai pentadbiran yang baik dan sistem yang sempurna;

---

[1] Terjemahan suatu syarahan yang telah disampaikan oleh Pengarang melalui radio Pakistan, Lahore, pada 6hb. Januari, 1948M. Untuk lobih detail sila lihat bukunya: *The Ethical Viewpoint of Islam*, oleh Abul A'la Al-Mawdudiyy, Islamic Publication Ltd., Lahore, I 965M — Penterjemah.

masyarakat yang diratai oleh gotong-royong, saling memikul tanggungjawab, kasih mengasihi, nasihat menasihati, keadilan sosial dan persamaan di antara sekelian manusia. Sebaliknya manusia tidak memandang dengan kagum dan hormat kepada masyarakat yang diselubungi oleh gejala-gejala perpecahan, kacau bilau dan porak peranda; masyarakat yang dikelilingi di segenap penjurunya oleh dendam kesumat, hasad dengki, kezaliman, perbalahan dan persaingan di antara sesama para individunya.

Begitulah juga halnya dengan perangai-perangai serta tabiat-tabiat manusia, baiknya dan buruknya, masih tetap seperti zaman-zaman yang telah lalu. Perbuatan-perbuatan mencuri, berzina, membunuh, menipu, menerima rasuah, mencarut, mencerca, megumpat, mendengki, membuat tuduhan-tuduhan palsu dan melakukan perkara-perkara yang merosakkan di bumi ini, tidak pernah dipandang orang dengan pandangan yang memuja dan memuji. Tetapi membuat baik kepada ibu bapa, berbakti kepada adik beradik, menghormati jiran tetangga, membantu kawan rakan dalam perkara-perkara baik, memberi perhatian kepada anak-anak yatim serta fakir miskin, menziarahi orang sakit, menolong orang malang dan susah, semua itu dipuji dan disanjungi oleh manusia sepanjang-panjang masa. Begitu juga orang tidak pernah menghormati dan memuliakan pengkhianatan, sikap bermuka-muka, berpura-pura, terlalu meminta-minta dan sikap gelojoh. Tetapi mereka menghormati dan memandang tinggi kepada sopan santun, cakap yang manis, gerak geri yang lemah lembut, suka memberi nasihat dan punya amanah.

Pendeknya, manusia tidak memandang baik dan tidak menghormati kecuali orang-orang yang bercakap benar, yang boleh diharap dan dipercayai dalam segala hal. Orang-orang yang serupa sahaja lahirnya dengan batinnya, yang sama sahaja perbuatan-perbuatannya dengan kata-katanya, orang-orang yang memadai dengan hak serta habuannya, orang-orang yang berlumba menunaikan hak-hak dan tanggungjawab- tanggungjawab mereka kepada orang lain, orang-orang yang hidup dengan penghidupan yang aman damai, yang tidak mengganggu orang lain, orang-orang yang tidak diharapkan daripada mereka selain daripada kebaikan dua kebijaksanaan.

Dari yang demikian itu, ternyatalah bahawa prinsip-prinsip akhlaq itu adalah merupakan hakikat-hakikat yang tetap dan bercorak internasional, yang mana masih dikenali oleh manusia. Kebaikan dan kejahatan tidaklah tersembunyi sehingga seseorang perlu mencarinya bila mana dia mahu mengetahui serta menelitinya. Tetapi kedua-duanya adalah di antara perkara-perkara yang telah diketahui oleh Bani Adam sejak pertama kali lagi. Allah telah menganugerah-kannya rasa dengan kedua-duanya dan telah perbekalkannya dengan tabiat semulajadi atas perasaan tersebut. Oleh itu kita lihat Al-Quran menamakan kebaikan itu dengan 'al-ma'ruf' (yang termaklum) dan menamakan kejahatan

dengan 'al-mungkar' (yang dibantahi). Apa yang dimaksudkan oleh Al-Qur'an ialah, bahawa al-ma'ruf itu ialah yang diketahui oleh manusia dan yang digemari serta disukainya, dan bahawa al-mungkar itu ialah yang dibantahi, dicemuh dan dipandang jijik oleh manusia. Di dalam pengertian beginilah Al-Quran mengatakan;

فَأَلْهَمَهَا فُجُورَهَا وَتَقْوَىٰهَا ﴿٨﴾

> Maksudnya: "Maka diilhamkan akan (diri) yang jahatnya dan yang taqwanya". (Surah As Syams, ayat 8)

Barangkali para pembaca tertanya-tanya dalam hal ini: Jika kebaikan dan kejahatan tingkah laku itu sudah termaklum dan diketahui orang, dan jika para penghuni dunia ini sudah bersatu pendapat tentang kebaikan setengah-setengah sifat dan keburukan setengah-setengahnya yang lain, maka apakah gunanya berbagai-bagai sistem akhlaq itu diwujudkan di dunia ini? Apakah bukti yang menjadi sandaran kita bila kita katakan, bahawa Islam mempunyai satu sistem akhlaq yang tersendiri? Kemudian, apakah perwatakan- perwatakan dan keistimewaan-keistimewaan yang membezakan sistem akhlaq Islam daripada sistem-sistem akhlaq lain yang telah dan masih mendapat keutamaan serta sanjungan di dalam sejarah perkembangan akhlaq?

Jika kita bentangkan berbagai-bagai sistem akhlaq di dunia dengan tujuan untuk mengkaji masalah ini, akan ternyatalah kepada kita sejak mula-mula lagi, bahawa sistem-sistem itu berbeza di antara satu sama lain dalam soal memasukkan bermacam-macam sifat tingkah laku ke dalam sistem masing-masing. Perbezaan terdapat juga di antara sistem-sistem itu dalam soal menentukan batas dan tempat penggunaan sifat-sifat tingkah laku itu serta cara mempersesuaikan di antara sesamanya. Kemudian jika kita memandang dengan dalam dan teliti kepada sistem-sistem itu, akan ketaralah bagi kita sebab perbezaan ini, iaitu, bahawa sistem-sistem tersebut berselisih antara satu sama lain dalam menetapkan norma kebaikan dan kejahatan pada tingkah laku manusia, juga dalam menentukan saluran pengetahuan yang dapat diperbezakan dengannya di antara baik dan jahat. Sistem-sistem itu tidak juga mencapai persetujuan dalam menentukan kekuatan penggerak (sanction) yang bekerja di belakang undang-undang itu sehingga ianya punya kuasa di dalam diri orang. Lebih jauh lagi sistem-sistem itu tidak sepakat dalam menentukan perasaan yang membawa orang mematuhi dan mengawasi undang-undang. Kemudian jika kita berfikir mencari sebab-sebab perselisihan ini, akan lahirlah kepada kita hakikat yang jelas, bahawa yang menceraikan segala jalan sistem-sistem akhlaq ini seluruhnya dan yang menjauhkan antara setengahnya dengan setengah, ialah kerana sistem-sistem ini berselisih dalam menggambarkan tentang apakah dia alam buana ini, di manakah posisi akhlaq di dalam undang-undang alam yang luas ini, dan

apakah matlamat hidup manusia di dalam alam.

Perselisihan inilah yang mempengaruhi sistem-sistem tersebut, dan daripadanyalah timbul perselisihan- perselisihan yang pokok sehingga tentang haqikat, tabiat dan kedudukan sistem-sistem itu. Bahawa persoalan-persoalan yang di atasnya tegak asas penghidupan manusia dan persoalan-persoalan yang menentukan aliran-aliran manusia di dalam penghidupan dunia ini ialah: Adakah di sana Tuhan untuk alam ini atau tidak? Jika ada, maka adakah Dia Tuhan yang satu (Esa) atau ada bersama-samanya tuhan-tuhan lain? Dan mana satu di antara tuhan-tuhan itu yang kita percaya? Apakah sifat-sifat yang ada padanya? Bagaimana hubungan kita dengannya? Apakah dia sudi membimbing kita ke arah kebenaran dan memberi hidayat kepada kita atau tidak? Apakah kita bertanggungjawab di hadapannya? Apakah yang diperhitungkan kepada kita untuknya? Kemudian apakah matlamat hidup kita dan kesudahannya yang harus kita letakkan di hadapan mata dan yang harus kita bekerja mengikut kehendak-kehendaknya dalam penghidupan di dunia ini?

Ini semuanya merupakan persoalan-persoalan pokok dan penting, yang mana di atas jawapannyalah terhentinya kelahiran sistem hidup manusia. Oleh itu sistem akhlaq tidak lahir melainkan mengikut apa yang sesuai dengan haqikat jawapan ini. Di dalam ceramah yang singkat ini tidaklah dapat saya bercakap panjang lebar tentang berbagai-bagai sistem hidup yang ada di dunia ini dan menceritakan kepada anda apa yang telah dipilih oleh tiap-tiap sistem itu untuk memberi jawapan terhadap persoalan yang pokok ini, juga apakah kesan-kesan dan gejala-gejala yang dilahirkan oleh jawapan-jawapan itu terhadap bentuk persoalan ini dan penentuan jalannya. Saya hanya bermaksud hendak bercakap tentang Islam sahaja di antara sistem-sistem itu dan akan memberikan jawapan-jawapan yang saya pilih untuk persoalan-persoalan tadi di samping menjelaskan sistem akhlaq yang khusus iaitu sistem akhlaq yang tegak di atas asas jawapan-jawapan ini serta menunaikan kehendak-kehendaknya.

Buat menjawab kepada persoalan-persoalan ini, Islam mengatakan: Bahawa untuk alam ini ada satu Tuhan, dan tidak ada Tuhan selain Allah. Dialah yang menciptakan mayapada ini dan mengadakan segala sesuatu di dalamnya. Dia sahaja yang bertindak dalam hal-hal alam ini, tidak disertai oleh sesiapa pun. Dia punya perintah dan larangannya. Dialah Tuhan segala langit dan bumi dan Tuhan apa yang ada di dalam langit dan bumi itu. Sistem alam yang kita lihat berjalan dengan teratur dan tetapnya ini tidak berjalan melainkan kerana tunduk kepada perintah dan kehendakNya. Dia adalah Tuhan Yang Bijaksana, yang Maha Berkuasa, mengetahui yang ghaib dan yang ternyata, tidak terlindung daripadaNya sebesar zarah pun baik di langit mahu pun di bumi. Dia adalah 'al-malik' (raja) yang quddus, perintahNya berlaku di dalam alam ini dengan kadar yang tertentu. Tidak pernah Dia penat dan lemah. Manusia adalah hamba

kepada Allah mengikut kejadian serta tabiat semulajadinya, Tugas manusia di dunia ialah menyembah Allah dan mematuhi segala titah perintahNya. Hidup-nya tidak bererti jika tidak diserahkan sepenuhnya untuk beribadat kepada Allah dengan ikhlasnya. Bukanlah tugas manusia menentukan sendiri satu methode tertentu bagi ibadatnya, tetapi ianya ditentukan oleh Allah yang menciptanya dan yang menjadikannya sebagai salah seorang dari hamba-hambanya. Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutuskan untuknya para Rasul dan diturunkan pula bersama-sama mereka kitab-kitab untuk memberi hidayat serta membimbing mereka ke jalan kebaikan dan kebahagiaan. Oleh yang demikian, manusia tidak harus mengambil sistem hidupnya kecuali daripada pelita yang terang benderang ini. Selain dari itu, manusia adalah bertanggungjawab di hadapan Tuhannya terhadap apa yang telah diusaha dan diperolehinya di dalam penghidupan dunia dan dia akan diadili di hadapan Allah, bukan di dunia ini, tetapi di akhirat kelak. Penghidupan di dunia ini hanyalah merupakan dugaan Tuhan terhadapnya. Manusia tidak harus meletakkan di hadapan matanya satu matlamat yang dicari dan yang dicitakannya di dalam hidup ini melainkan supaya dia tergolong di dalam golongan orang-orang yang berjaya di sisi Tuhannya di dalam alam akhirat nanti. Manusia menempuh dugaan ini dengan segala tenaga yang ada padanya; kerana ini adalah dugaan terhadap segala daya dan bakatnya serta ujian segala segi penghidupannya. Dia akan diujikan dalam segala apa yang diusaha dan dikerjakannya di dalam penghidupan dunia ini dengan ujian yang bersih; tidak dinodai barang sedikit pun oleh kekotoran dunia ini.

Lebih jauh lagi, ujian ini dijalankan sendiri oleh Tuhan yang mengetahui segala-segalanya; Tuhan yang tidak terhenti ilmu dan ma'rifatnya - waktu mana Dia merakamkan segala kerja dan gerak-geri manusia pada juzu'- juzu' alam ini yang terdiri daripada tanah, air, angin, ruangan-ruangan angkasa, di dalam hati manusia, fikirannya, tangan dan kakinya. Malah ilmu pengetahuannya meliputi segala bisikan dan kemahuan yang terlintas di jiwa manusia, tidak ada sesuatu pun yang terlindung daripadanya.

Inilah dia jawapan Islam tentang persoalan-persoalan hidup yang asasi, dan inilah Islami terhadap alam serta posisi manusia di dalamnya. Dia menentukan satu tujuan hakiki lagi luhur yang harus menjadi matlamat utama dari segala usaha dan kerja manusia di dalam penghidupan dunia ini, iaitu 'menuntut wajah Tuhan dan mencari keredhanNya'. Beginilah criterion (ukuran) yang diukurkan dengannya setiap kerja manusia di dalam sistem akhlaq Islam dan dihukum sama ada baik atau jahat. Selain dari itu, penentuan matlamat hidup ini membekalkan akhlaq manusia dengan satu pusat di mana seluruh penghidupan manusia berkisar di sekitarnya. Penghidupan itu tidak lagi akan menjadi seperti kapal di tengah-tengah lautan yang dipukul badai serta diumbang-ambingkan oleh gelombang ke kanan dan ke kiri. Penentuan ini juga meletakkan di hadapan

manusia satu tujuan hakiki yang membolehkannya selepas itu menentukan batas-batas, kedudukan-kedudukan serta gambaran-gambaran praktikal yang padan untuk tiap-tiap satu dari segala sifat tingkah laku di dalam penghidupan ini. Oleh kerana ini juga manusia boleh mencapai nilai-nilai akhlaq (ethical values) yang tersendiri, yang sampai sekarang masih berdiri dengan teguh di tempatnya, tanpa berkesan dengan perubahan-perubahan suasana dan keadaan. Lebih jauh dari itu - bila mana menuntut wajah Tuhan dan mencari keredhaanNya itu - menentukan satu matlamat yang dicari oleh manusia dan satu tujuan bagi segala usaha dan kerjanya, akhlaq manusia pun mendapat satu tujuan yang tinggi yang membolehkannya mendaki ketinggian tingkah-laku setinggi-tingginya, tidak dinodai buat selama-lamanya oleh daki-daki perhambaan diri kepada segala tujuan dan kehendak nafsu dalam segala peringkat perjalanannya.

Seperti mana Islam memberi ni'mat kepada kita - kerana penggambarannya terhadap alam dan manusia dengan kriteria ini - dia juga membekalkan kita dalam waktu yang sama dengan satu saluran yang abadi untuk mengetahui baik buruknya tingkah laku. Islam tidak sahaja membataskan pengetahuan kita dengan akhlaq itu dalam lingkungan akal, kemahuan, percubaan atau ilmu-ilmu kita terhadap akhlaq boleh berubah dengan berubahnya saluran-saluran yang empat ini dan tidak tetap buat selama-lamanya. Tetapi Islam mengurniakan kepada kita satu rujukan (reference) tetap yang membekalkan kita dengan ajaran-ajaran pribudi dalam segala keadaan dan zaman. Rujukan itu ialah kitab Allah (Al-Quran) dan Sunnah RasulNya Sallallahu 'alaihi Wasallam. Ajaran-ajaran ini membimbing kita kepada jalan yang lurus dan menyuluh langkah kita yang betul dalam segala soal hidup, dari masalah-masalah rumahtangga yang sekecil-kecilnya membawa kepada masalah-masalah serta problem-problem politik internasional yang besar-besar. Kita dapati di dalam ajaran-ajaran ini ruangan yang luas, cukup untuk menjadi prinsip-prinsip akhlaq dalam segala soal hidup. Kita tidak berkehendakkan lagi selepasnya kepada satu saluran pengetahuan yang lain dalam segenap peringkat penghidupan.

Kemudian di dalam penggambaran Islam terhadap alam dan manusia ini, kita dapati ada kekuatan pengontrol yang harus menjadi sandaran kepada undang-undang akhlaq. Kekuatan itu ialah takut kepada Tuhan menyedari tanggungjawab di hari akhirat serta takutkan akibat buruk di masa depan yang abadi. Tidak syak lagi, bahawa Islam mahu menyediakan susunan masyarakat dan fikiran orang ramai (public opinion) yang boleh membawa dan memaksa orang dari segenap peringkat supaya mengikut serta terus menjaga prinsip-prinsip akhlaq. Begitu juga Islam mahu mendirikan satu sistem politik yang mana melalui kuasanya. dapat dilaksanakan undang-undang akhlaq ini di kalangan orang ramai dengan paksa, walaupun pada hakikatnya Islam tidak bergantung kepada kuasa pengontrol yang luar ini seperti pergantungannya kepada pengontrol dari dalam jiwa yang dipenuhi dengan keimanan dengan

Allah dan hari kemudian. Dari sana Islam hendak - sebelum dia memerintahkan manusia supaya mengikat diri masing-masing dengan hukum-hukum akhlaq - menakutkan manusia dan mengajarnya:

"Bahawa hal dirimu adalah terdedah kepada Allah yang Maha Melihat, yang Maha Mengetahui, yang tidak terlindung daripadaNya sebesar zarah pun, baik di bumi mahu pun di langit. Dia melihat mu di mana sahaja kau berada dan sebagaimana sekali pun keadaanmu. Engkau boleh bersembunyi daripada penglihatan orang, tetapi engkau tidak dapat menyembunyikan diri daripadanya. Engkau boleh ditipu seluruh manusia, tetapi tidak boleh menipuNya. Engkau boleh melemahkan setiap orang di bumi ini, tetapi engkau tidak terdaya melemahkan Tuhan yang menciptakan langit dan bumi. Dunia memandang kepada segala perbuatan dan perangaimu yang ternyata kepada mereka, tetapi Tuhan mengetahui yang ghaib dan yang nyata. Dia tahu segala rahsia jiwa dan bisikan hati. Walau apa pun kerja yang engkau lakukan di dalam hidup yang fanak ini, engkau tidak dapat mengelakkan diri dari menghirup bijana kematian dan kembali kepada pengadilan yang tidak akan berguna padanya segala pembelaan peguam, rasuah, saksi bohong, songlap dan tipu helah. Hari ini Tuhan mu akan menimbang segala pekerjaanmu dengan adil dan memberi ganjaran yang padan kepada hamba-hambaNya".

Islam menetapkan keimanan ini - keimanan dengan Allah dan hari kemudian - di dalam hati manusia, seolah-olah dengan itu dia meletakkan di dalam perasaan-nya seorang pengawas dari mata-mata akhlaq yang menggesanya bekerja dan yang menyuruh dia mematuhi segala titah perintah Allah, tidak kira sama ada terdapat mata-mata, mahkamah dan penjara di luar yang memaksanya berubat demikian atau tidak. Pengawas dalam dan pengontrol jiwa inilah pada hakikat-nya yang menolong undang-undang akhlaq Islam dan yang menjadikannya terlaksana di kalangan orang ramai, sungguhpun di samping itu sokongan daripada pihak pemerintah dan fikiran umum menyenangkan lagi perlaksanaan undang-undang ini. Hal ini tentunya lebih wajar dan lebih bijaksana. Tetapi pada hakikatnya, keimanan ini sahaja pun sudah memadai untuk menjamin hidayat dan umat Muslimin kepada jalan yang betul jika kemanisan keimanan itu telah meresapi hati mereka dan jika aqidah ini sudah melekat dengan sebatinya di dalam jiwa mereka.

Lebih jauh lagi, penggambaran Islam terhadap alam dan manusia ini, menyedia-kan faktor-faktor yang menggalak dan memberansangkan seseorang supaya bekerja mengikut apa yang dikehendaki oleh undang-undang akhlaq. Cukup untuk mendorong seseorang untuk mematuhi kehendak-kehendak Allah dan menjunjung titah perintahNya, bahawa dia menerima Allah sebagai Tuhannya, bakti kepada Allah sebagai cara hidupnya dan keredaan Allah sebagai matlamat hidupnya. Faktor lain yang kuat juga di samping faktor ini ialah keimanan

dengan hari kemudian serta kepercayaan bahawa orang yang mematuhi Allah dan menurut segala titah perintahNya akan mendapat kebahagiaan di alam akhirat yang kekal selama-lamanya. Dia akan mendapat kehidupan yang baik, masa depan yang gemilang dan keni'matan yang abadi, sekali pun di dalam dunia yang fana ini dia menanggung bermacam-macam kesakitan, kepedihan, penderitaan dan kesengsaraan. Sedang orang yang menghabiskan usianya di dalam dunia ini dengan mendurhakai Allah dan membelakangkan segala perintahNya, nasibnya di akhirat pasti akan menemui ganjaran yang keras serta siksa yang tidak akan habis-habis, sekalipun di dunia dia mengecap (beranika kenikmatan dan kemewahan dari keenakan hidup). Harapan dan ketakutan ini, jika terhimpun pada seorang manusia dan tertanam di dalam lubuk hatinya, seolah-olahnya satu faktor yang kuat tumbuh di dasar nuraninya yang menggalakkannya membuat kebaikan serta berpegang dengan kebenaran dalam waktu-waktu dan keadaan-keadaan yang barangkali ternyata kepadanya bahawa berpegang dengan kebenaran boleh memberi kerugian tertentu terhadap kepentingannya di dalam hidup ini. Begitu juga faktor kejiwaan ini boleh menjaganya daripada kecenderungan-kecenderungan jahat dan juga menjauhkan -nya daripada perkara-perkara curang dan jahat dalam keadaan- keadaan yang ternyata kepadanya bahawa kejahatan merupakan kelazatan untuk nafsu dan keuntungan di dalam penghidupan dunia ini.Apa yang jelas dari huraian ini ialah, bahawa Islam mempunyai penggambaraan yang tersendiri terhadap alam ini seperti mana ianya juga mempunyai criterion tersendiri terhadap kejahatan dan kebaikan. Islam juga mempunyai rujukan bagi ilmu akhlak berserta satu kekuatan penggerak dan faktor pendorong kerja yang khusus. Di dalam masalah ini, Islam memilih satu jalan yang lain daripada jalan-jalan yang dipilih oleh segala sistem akhlaq di dunia ini. Dengan pertolongan faktor-faktor ini sendiri, lahirlah bahan-bahan budi pekerti yang terma'lum itu mengikut kadar-kadar yang tertentu dan dilaksanakan di dalam segenap bahagian dan lapangan hidup. Lantaran itu, berhaklah kita mengatakan, bahawa Islam mempunyai satu sistem akhlaq yang sempurna dan sesuai buat selama-lamanya dengan tabiat dan ajaran-ajarannya.

Sistem akhlaq Islam ini mempunyai perwatakan-perwatakan dan keistimewaan-keistimewaannya yang tidak boleh diketepikan pada tempat ini. Apa yang akan saya sebutkan sekarang hanyalah tiga perwatakan yang jelas sahaja, iaitu perwatakan-perwatakan yang merupakan teras dan intinya, malah perwatakan-perwatakan ini sebenarnya, adalah di antara perkara-perkara yang utama (priorities) dalam masalah sistem akhlaq:

Pertama: Bahawa Islam menjadikan 'menuntut wajah Tuhan dan mencari keredhaanNya' itu sebagai matlamat yang dicarikan di dalam penghidupan manusia, dan dengan itu dia mengadakan satu criterion akhlaq yang tinggi. Tidak ada sesuatu yang dapat menyekatnya daripada mempertinggikan akhlaq.

Oleh yang demikian, dia telah memberikan ketetapan serta keutuhan kepada akhlaq manusia yang mana membolehkannya maju dan berkembang, dan tidak akan mungkin lagi bertukar rupa dan berubah warnanya dari satu ketika kepada ketika yang lain. Begitu juga ketakutan kepada Allah menyediakan untuk akhlaq satu kekuatan penggerak yang menggalakkan orang mengawasi serta memerhatikan segala kehendak- kehendaknya tanpa dimasuk campur oleh mana-mana faktor luar. Ini juga menimbulkan di dalam perasaan manusia dan membentuk - kerana keimanannya dengan Allah dan hari kemudian - satu kekuatan yang menakutkan seseorang dan yang menggalakkannya beramai dengan sendirinya mengikut undang-undang akhlaq.

Kedua: Bahawa dengan galakan dan dorongan mutlak ini, Islam tidaklah mengada dan merekakan akhlaq dan tatasusila baharu yang tidak pernah dibiasakan oleh manusia sebelumnya, tidak juga Islam menurunkan setengah-setengah akhlaq manusia yang sudah dikenali orang dan mengangkat setengah-setengah yang lain. Dia tidak memakai akhlaq melainkan apa yang sudah terma'lum di sisi sekelian manusia. Akhlaq yang sudah termaklum itu tidak disingkirkan, baik kecil atau besarnya, tetapi diambil dan didapatkannya, kemudian diletakkan tiap-tiap satunya ditempatnya yang sebenar di dalam penghidupan manusia. Perlaksanaannya diperluaskan secara leluasa ke atas manusia, sehingga tidak ada lagi cabang-cabang dan segi-segi hidup yang masih tersisa - seperti kerja-kerja perseorangan, urusan-urusan rumahtangga, pergaulan-pergaulan sosial, hal-hal politik dan ekonomi, jual beli di pasar, urusan-urusan di sekolah, di mahkamah, di balai polis, di kem-kem tentera, di medan perang, di persidangan damai dan urusan-urusan lain seterusnya dari segi-segi penghidupan manusia yang lain - tidak ada lagi yang masih tersisa melainkan kita lihat kesan-kesan akhlaq yang sepenuhnya tertanam di dasar segi-segi tersebut. Islam menjadikan akhlaq menguasai dan mengawasi dalam segala segi penghidupan. Apa yang dikehendaki oleh Islam dengan yang demikian itu ialah merebutkan teraju urusan-urusan hidup dari kehendak nafsu syahwat, dari tujuan-tujuan serta kepentingan- kepentingan diri sendiri dan meletakkannya di tangan akhlaq yang bersih dan tingkah laku yang baik.

Ketiga: Keistimewaan yang ketiga bagi sistem akhlaq Islam ialah, bahawa dia meminta dan menuntut manusia agar mendirikan satu sistem hidup yang mana tiang-tiangnya tegak di atas kerja-kerja yang baik, tidak dikotori oleh sebarang kemungkaran. Dia menyeru manusia seluruhnya supaya melakukan kerja-kerja kebajikan dan menyibarkan usaha-usaha baik yang dipandang oleh manusia setiap zaman dan tempat dengan pandangan memuji dan memuja. Sebaliknya hendaklah menolak dan menghapuskan segala kemungkaran yang sentiasa dipandang oleh manusia dengan pandangan keji dan menghina. Orang yang menyahuti akhlaq ini dan mengalu-alukan seruannya, mereka digolongkan oleh Islam ke dalam golongannya, dan dari merekalah dijadikan umat Islam. Tidak

ada tujuan Islam yang lain dengan menjadikan mereka itu sebagai satu umat, melainkan ialah kerana mahu mengembelingkan segala usaha dan kerja sosial mereka ke arah mendirikan kebajikan serta mengukuh dan menyebarkannya, juga membendung dan menghapuskan kemungkaran, membungkaskan akar umbinya. Jika sekiranya umat ini kembali mengerjakan kemungkaran dan melakukan kejahatan, jika dia mula menurut perjalanan orang-orang yang menentang kerja-kerja kebajikan dan berusaha memadamkan sinarnya, tidak tahulah apa yang akan terjadi ke atas dunia dan umat ini. Tidak ada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah sahaja.

KETIGA: SISTEM POLITIK

Tawhid, risalat (keRasulan) dan khilafat, adalah tiga tonggak yang didirikan di atasnya binaan sistem politik Islam. Tidaklah mudah untuk kita mengetahui secara lengkap sistem-sistem politik Islam dengan segala cabang dan seginya itu, melainkan bila mana kita memahami terlebih dahulu prinsip-prinsip tauhid, risalat, dan khilafat itu dengan fahaman yang sempurna. Sebelum itu eloklah rasanya saya huraikan terlebih dahulu prinsip-prinsip ini satu persatu dengan ringkasnya.

Tawhid: Ma'na tawhid ialah, bahawa Allah Taala itu pencipta alam ini berserta manusia yang ada di dalamnya. Dia adalah Tuhan kamu dan Pemilik kamu. Tidak ada pemerintahan, kuasa (authority), suruhan dan larangan melainkan untukNya sahaja. Dialah yang layak menerima perhambaan diri dan taat setia kita, tidak diperkongsikan oleh sesiapa pun. Kemudian, jiwa yang kerananya kita hidup dan beroleh kekuatan serta bakat yang dapat kita gunakan untuk apa yang kita mahu, juga segala hak yang dapat kita gunakan di dalam alam ini, dan alam ini yang dapat kita jalankan tindak-tanduk di dalamnya, itu semua bukan kita yang mencipta dan mengadakannya sendiri, pun kita tidak tahu yang ianya akan didatangkan untuk kita. Tetapi Allah[2] Subhanahu Wata'ala telah memuliakan kita dengan semua itu tanpa disyarikati oleh sesiapa. Kita tidak dapat, sedikit atau banyak, menentukan kesudahan perjalanan hidup kita, atau menetapkan batas-batas dan tingkatan-tingkatan tertentu untuk segala tenaga serta hak kita sebagaimana yang kita mahu dan yang kita inginkan. Begitu juga seseorang tidak mungkin - tidak kira siapa orangnya - masuk campur dalam soal-soal ini, tetapi segala-galanya itu terpulang kepada Allah Taala sendiri. Dialah sahaja yang menjadikan kita dan yang mengurniakan kepada kita segala hak-hak dan kelengkapan ini dan yang membolehkan kita bertindak atas kebanyakan apa yang telah diciptakannya di dalam dunia ini.

Inilah hakikat tawhid. Ianya menafikan - seperti mana yang kita lihat itu - fikiran kedaulatan manusia, dan mahu membasmikannya sama sekali; sama ada kedaulatan itu untuk orang perseorangan, untuk satu-satu lapisan, satu-satu bangsa atau untuk seluruh manusia di atas muka bumi ini. Tetapi kedaulatan itu hanyalah layak untuk Allah sahaja. Tidak ada pemerintah melainkan Allah, tidak ada pemerintahan melainkan pemerintahanNya, dan tidak ada undang-undang melainkan undang-undangNya.

Risalat: Ada pun risalat (keRasulan), ialah saluran yang melaluinya undang-undang Ilahi sampai kepada kita. Dengan perantaraannya kita menerima dua perkara: Kitab Allah yang mana di dalamnya Allah menerangkan undang-

[2] Terjemahan suatu syarahan yang telah disampaikan oleh Pengarang melalui radio Pakistan, Lahore pada 20hb. Januari, 1948M. Untuk lebih detail sila baca buku: *Islamic Law and Constitution*, Lahore, 1960M. Ch. 4 - Penterjemah.

undangNya. Keduanya ialah penghuraian dan penafsiran terhadap kitab ini yang diperkuatkan oleh Rasul dengan perkataan dan perbuatan beliau selaku wakil dari pihak Allah dan khal'ifat-nya (penggantinya) di dunia ini.

Di dalam kitabNya (Al-Qur'an), Allah telah menerangkan asas-asas dan prinsip-prinsip yang di atasnya sistem hidup manusia harus tegak. Ada pun apa yang kita kehendaki selepas itu dari penghuraian dan penerangan terhadap asas-asas dan prinsip-prinsip itu, telah diterang dan ditunjukkan oleh Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam di dalam hidup beliau dengan mengasaskan satu sistem untuk penghidupan manusia dan penyusunannya mengikut apa yang dikehendaki oleh kitab Allah, sehingga ianya menjadi tauladan yang baik untuk orang yang datang selepasnya. Himpunan antara kedua-dua sumber inilah yang dinamakan di dalam istilah Islam dengan 'Syari'at'. Syari'at ini adalah merupakan perlembangaan asasi yang dibangunkan di atasnya kerajaan Islam.

Khilafat: Di dalam bahasa 'Arab, khilafat itu bererti 'wakilan'. Posisi manusia di dalam alam ini, dari sudut kacamata Islam, ialah sebagai khilafat untuk Allah. Ertinya dia mewakili Allah di dalam kerajaanNya. Oleh itu dia tidak boleh bertindak di dalam kerajaan ini melainkan mengikut hak perwakilan dan hak menjalankan tindakan yang diberikan Allah kepadanya. Tidakkah anda lihat, jika anda wakilkan kepada seseorang mengenai sesuatu urusan harta punya anda dan anda jadikannya sebagai wakil anda di dalam urusan itu, anda meyakinkan diri dengan empat perkara: Pertama, andalah tuan ampunya harta itu dan pemiliknya yang hakiki, bukan orang yang anda wakilkan itu. Kedua, hendaklah orang ini bertindak terhadap harta punya anda itu mengikut seperti mana yang anda suruh dan tunjukkannya. Ketiga, tidak harus baginya membelakangkan suruhan suruhan anda dan melampaui batas-batas yang anda gariskan untuk diri dan kerjanya. Dan keempat, dia berkewajipan antara lain membelanjakan harta itu sebagaimana yang anda kehendaki dia membelanjakannya, bukan sebagaimana yang dikehendaki oleh dirinya sendiri.

Keempat-empat perkara ini telah tergabung dengan sebatinya di dalam penggambaran terhadap wakilan, sehingga ianya terkhayal kepada seseorang dengan hanya semata-mata disebut dan diucapkan perkataan 'wakilan' itu. Sekiranya anda melihat seorang wakil yang tidak memenuhi syarat-syarat yang empat ini dan tidak menunaikan tanggungjawabnya mengikut implikasi-implikasinya, maka anda akan mengatakan, bahawa dia sudah melampaui batas-batas wakilan dan mencabul piagam yang dikandungi oleh wakilan. Maka demikianlah kita lihat perkara-perkara yang empat ini juga tersimpan di dalam gambaran perkataan 'Khilafat'. Hanya pengertian beginilah sahaja yang dikehendaki oleh Islam dengan khalifat bila dia mengatakan, bahawa manusia adalah khilafat (wakil) Allah di bumi ini. Kerajaan yang tegak mengikut teori politik ini tidak lain melainkan khilafah manusia di bawah authoriti Tuhan.

Matlamatnya yang dituju ialah melaksanakan kehendak dan kemahuan Tuhan yang Maha Tinggi dengan jalan mengikut hidayatNya tanpa melampaui batas-batas yang telah digariskannya untuk khilafat ini serta kerja-kerjanya.

Apa yang munasabah disebutkan di sini ialah, bahawa Islam tidak menggantungkan urusan khilafat ini kepada orang atau keluarga atau lapisan manusia yang tertentu, tetapi dia menyerahkannya kepada seluruh anggota masyarakat yang percaya dengan prinsip-prinsip asasi dari tawhid dan risalat di samping mempunyai kecekapan dan persediaan itu melaksanakan segala apa yang dikandungi dan yang kehendaki oleh perkataan 'khilafat' itu. Jika ada didapati dunia ini sebuah masyarakat yang memakai sifat-sifat ini, tidak syak lagi bahawa ianya layak dengan khilafat ini. Di sinilah tempatnya di mana fikrah pemerintahan cara republik di dalam Islam mulai tumbuh. Tiap-tiap seorang dari anggota-anggota masyarakat Islam mempunyai, habuannya dari khilafat tersebut dan berhak meni'mat, hak-hak ini laksana gigi sikat. Seseorang tidak boleh mengharamkan hak-hak ini terhadap sesiapa yang dia mahu di kalangan para individu masyarakat. Ternyata sekali bahawa tiap-tiap kerajaan yang bersedia untuk menggerakkan perjalanan khilafat ini dan mengendalikan pentadbirannya tidak tersusun dan terbentuk melainkan dengan pendapat serta sokongan orang ramai yang memberikan kepada kerajaan sebahagian dari hak-hak mereka iaitu hak khilafat. Oleh itu, kerajaan tidak boleh terbentuk melainkan dengan pendapat-pendapat mereka, dan tidak boleh melaksanakan kerjanya melainkan dengan sokongan serta persetujuan mereka. Barangsiapa yang disukai dan diberi kepercayaan oleh mereka, dialah mewakili mereka dalam menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab khilafat. Dan barangsiapa yang tidak dipercayakan lagi oleh anggota-anggota masyarakat, maka dia tidak boleh berbuat apa-apa selain dari meletakkan jawatan yang penting ini.

Oleh itu, "Republik Islam", adalah sebuah republik yang paling sempurna sehingga tidak ada tujuan lain di belakanganya. Tetapi yang membezakan "Republik Islam" dari pada republik Barat yang terkenal itu dan yang meratai dunia hari ini, ialah bahawa teori politik Barat mengatakan tentang kedaulatan (sovereignty) republik, sedang Islam mengatakan tentang khilafat orang ramai. Untuk menjelaskan ini, kita katakan, bahawa hak-hak pemerintahan dan hukuman di dalam republik Barat adalah dimonopolikan oleh orang ramai. Merekalah yang memegang terajunya; mereka menggubal undang-undang dan legislasi serta melaksanakannya di bumi ini sebagaimana yang mereka kehendaki. Apa yang menjadi tujuan kerajaan mereka ialah menarik hati penghuni-penghuni negara seluruhnya, memenangi sokongan mereka dan menunaikan kehendak-kehendak mereka. Tetapi di dalam Islam, sebaliknya pemerintahan dan hukuman adalah untuk Allah sahaja. Dialah yang berhak mengadakan undang-undang dan legislasi untuk hamba-hambaNya tanpa disyarikat dan disaingi oleh sesiapa. Ada pun orang ramai, maka posisi mereka di dalam Islam tidak ubah

seperti posisi para khalifat yang terpaksa - kerana tabiat jawatan mereka sendiri - menurut kesan-kesan syari'at Ilahi yang telah dibawa oleh Rasul dari sisi Tuhan mereka, tidak boleh mereka menyimpang daripadanya walau sebesar urat rambut sekali pun. Tujuan orang-orang yang membentuk dan menyusunnya tidak lain melainkan menuntut wajah Allah Subhanahu Wata'ala dan melaksanakan perintahNya di bumi ini. Pendek kata, bahawa republik Barat menempatkan dirinya pada jawatan ketuhanan dengan sombong dan angkuhnya dibumi Allah tanpa sebarang hak, dan dia menggunakan segala kekuatan serta pengaruhnya mengikut apa yang dikehendakinya sendiri dan yang dikehendaki oleh anggota- anggotanya. Tetapi "Republik Islam" merupakan pengabdian diri secara sosial kepada Allah Taala, terikat dengan tali-tali syari'atNya. Segala kekuatan dan pengaruhnya digunakan hanya dalam batas-batas yang ditetapkan oleh Allah untuk melakukan kerja-kerja mengikut hidayat Tuhan.

Sekarang saya mahu membentangkan kepada anda dengan ringkasnya, gambaran yang jelas bagi kerajaan yang terbina di atas prinsip-prinsip tawhid, risalat dan khilafa't itu.

MATLAMAT KERAJAAN/PEMERINTAHAN ISLAM

Matlamat kerajaan ini - seperti mana yang telah dinyatakan oleh Allah di beberapa tempat di dalam Kitab SuciNya yang mulia - ialah melaksanakan kerja-kerja kebajikan dan terpuji, iaitu kerja-kerja yang dikehendaki oleh Allah agar penghidupan manusia dihiasi dengannya dan agar dapat disibarkan kebaikan-kebaikannya serta diusahakan sedaya upaya untuk mempertinggi mutunya dan menyibarkan faedahnya. Seterusnya kerajaan ini bertujuan membungkas dan menyingkirkan dari bumi ini segala kejahatan dan kemungkaran yang dimurka-kan oleh Allah dan membersihkan bumi ini dari segala noda dan kekotoran. Islam datang ke dunia ini bukan hanya untuk mendirikan kerjaan dengan erti menjalankan urusan-urusannya dan mengendalikan pentadbiran-pentadbiran-nya sahaja, tidak juga dia datang kerana memberi perhatian kepada kepentingan-kepentingan satu bangsa yang tertentu sahaja, menghabiskan segala usaha dan kepintarannya untuk mencapai segala kehendak-kehendak sosial bangsa itu sahaja. Tidak sama sekali. Kedudukan perkaranya bukan demikian. Tetapi yang sebenarnya, Islam meletakkan di hadapan kerajaan yang didirikan mengikut lunas-lunas dan prinsip-prinsipnya itu, satu matlamat yang lebih jauh tinggi dan luhurnya daripada itu. Untuk mencapai matlamat ini, Islam haruslah menggunakan segala saluran dan kekuatan yang ada padanya. Ini ialah supaya dapat dilahirkan apa yang dikehendaki oleh Allah agar diperhiaskan dengannya penghidupan hamba-hambanya di muka bumi ini, dan supaya penghidupan itu tercorak dengan warna-warna keindahan, kebaikan, kebijaksanaan, kejayaan dan kebahagiaan, juga membasmikan apa yang diramal akan menimbulkan kehancuran di bumi ini, yang boleh mendapatkan berbagai-bagai kejahatan,

kekucar-kaciran serta keinginan berbuat sesuka hati. Begitu juga Islam membentangkan kepada kita gambaran yang jelas bagi kejahatan dan kebaikan sehingga dapat kita lihat di dalam cerminnya segala kepentingan yang digemari serta segala kekejian dan kemungkaran yang dibenci. Jadi, kerajaan Islam itu dapat mengaturkan projek-projek "islah"nya, di segenap waktu dan keadaan bila mana dia meletakkan di hadapan matanya gambaran kejahatan dan kebaikan yang jelas ini.

Apa yang diminta dan dituntut benar-benar oleh Islam agar dipegang oleh para penganutnya, ialah supaya jangan mereka mengenepikan prinsip-prinsip akhlaq dalam segala urusan mereka. Begitulah dia menentukan plan yang tetap dan terjamin buat kerjaannya supaya polisi tidak dijalankan melainkan di atas kebenaran mutlak, keadilan yang terang serta amanah yang suci bersih. Dia tidak rela bila-bila masa pun kerajaannya berlindung kepada tipu-helah, pembohongan dan pencerobohan ke atas orang untuk mendapatkan segala kepentingan tanah air, kerajaan atau kebangsaan. Dia mengutamakan kebenaran, amanah dan keadilan daripada tujuan-tujuan, kemahuan-kemahuan dan matlamat-matlamat diri sendiri dalam segala hubungan dan pertalian di antara pemerintah dan rakyat di dalam sebuah negara dan di antara satu bangsa dengan bangsa-bangsa lain di luar negara itu. Oleh itu, Islam telah mempertanggungjawabkan ke atas kerajaan Islam dan para pentadbirnya - seperti mana dia mempertanggung-jawabkan kepada insan Muslim juga - supaya menunaikan janji jika kamu berjanji, perbetulkan sukatan dan timbangan, jangan dirugikan harta-punya orang, jangan kamu lakukan kecuali apa yang kamu kata dan jangan kamu kata kecuali apa yang kamu lakukan, jangan kamu lupa hak-hak orang lain yang wajib ke atas kamu, dan jangan kamu lupa pula kewajipan-kewajipan mereka terhadap kamu. Jangan pula kamu jadikan kuasa dan kekuatan kamu sebagai saluran untuk melakukan kezaliman, kekejaman dan bermaharajalela, tetapi jadikanlah ianya sebagai wasilah untuk menegakkan kebenaran serta keadilan. Ketahuilah bahawa kebenaran itu adalah kebenaran juga dalam segala keadaan. Justeru bersegeralah kamu menunainya. Bahawasa kuasa itu adalah satu amanah daripada Allah, janganlah kamu mengunakannya kecuali jika kamu berkeyakinan bahawa kamu akan diadili tentangnya di hadapan Tuhan kamu dengan sepenuhnya.

Selain dari itu, kerajaan Islam meskipun wujud di tempat dan kawasan yang tertentu di bumi ini, namun dia tidak membataskan hak-hak kemanusiaan dan hak-hak civil dengan sempadan-sempadan geografi. Tentang kemanusiaan, Islam meletakkan untuknya beberapa hak politik yang disuruh memelihara dan menjaganya dalam segala keadaan. Hak-hak ini diwajibkan untuk setiap orang manusia di atas muka bumi ini, tidak kira sama ada orang itu tinggal di dalam negara Islam itu sendiri mau pun tinggal di luarnya, sama ada dia kawan atau lawan, berbaik-baik dengan negara Islam itu atau pun bermusuhan dengannya.

Yang dipentingkan dalam hubungan ini ialah penghormatan darah manusia; ianya diharamkan dalam setiap ketika dan waktu, tidak bolen ditumpahkannya kecuali dengan kebenaran[3]. Tidak halal di dalam syari'at Islam melakukan pencabulan terhadap wanita, kanak-kanak, orang-orang tua, orang-orang sakit dan luka dalam keadaan apa sekali pun. Diri dan kehormatan wanita adalah di antara perkara-perkara yang harus dijaga dan dipertahankan, tidak boleh sama sekali dicerobohi. Begitu juga orang kebuluran berhak diberi makan, orang bertelanjang mesti diberi pakaian, orang luka mesti diubati, orang sakit mesti dirawati, sekali pun si bulur, si bogel, si luka dan si sakit itu dari golongan musuh negara Islam itu yang menanti-nanti ketika untuk menyerangnya. Hak-hak ini dan lain-lain lagi yang seumpamanya adalah dikurniakan oleh Islam kepada manusia kerana ianya manusia, dan hak-hak ini punya kedudukan yang sama dengan hak-hak asasi di dalam perlembagaan kerajaan Islam.

Ada pun hak-hak awam (civil rights), Islam tidaklah mengkhususkannya untuk orang-orang yang diperanakkan di dalam negara Islam sahaja. Tetapi sebenarnya tiap-tiap orang Islam walau di mana pun dia dilahir dan dibesarkan, Islam mengurniakannya hak-hak itu dengan semata-mata kerana dia berada di dalam lingkungan negara Islam. Habuannya dari hak-hak itu tidak kurang daripada orang-orang yang diperanakkan di dalam negara tersebut. Mereka sekeliannya sama sahaja. Walau pun umpamanya terdapat banyak buah negara Islam dan banyak bilangannya diberbagai-bagai tempat di bumi ini, maka mestilah seluruh penghuni setiap negara itu bersama-sama mempunyai hak-hak awam tersebut. Seorang Muslim tidak payah membawa paspot bilamana dia mahu masuk ke dalam mana-mana negara itu, malah boleh pula dia mendaki setinggi-tinggi garis kejayaan yang terdaya olehnya dan melayakkan diri untuk memegang jawatan-jawatan tanggungjawab yang tinggi tanpa diperhatikan sedikit pun kepada keturunan, keluarga dan lapisan yang dipunyainya.

Orang-orang bukan Islam yang mendiami negara Islam, untuk mereka Islam telah menentukan beberapa hak, dan ini tentunya merupakan satu bahagian yang tidak dapat dipisahkan sama sekali daripada bahagian- bahagian perlembagaan Islam. Orang-orang yang bukan Islam seperti ini dipanggil di dalam istilah Islam sebagai ahli dhimmah. Mereka ini telah diberi jaminan oleh Islam yang diri mereka adalah terpelihara. Tidak syak lagi bahawa jiwa raga, harta benda dan kehormatan ahli dhimmah ini diharamkan oleh Islam seperti diharamkannya jiwa raga, harta benda dan kehormatan orang-orang Islam sendiri. Tidak ada beza apa-apa di antara orang-orang Islam dan ahli dhimmah dalam undang-undang awam dan pidana. Kerajaan Islam tidak boleh campur tangan dalam sesuatu dari undang-undang keluarga (personal statute) untuk ahli dhimmah.

[3] Seperti membunuh musuh-musuh kerana mempertahanKan diri, agama Islam, negara dan hartanya. Ataupun melakukan hukum Qis;u, (Bunuh Balas) ke atas seseorang yang thabit melakukan jinayah membunuh yang kejam itu. Adapun hukum Hudud dikenakan ke atas orang-orang yang melakukan jinayah mencuri, merompak (al-Jirabah),

Tetapi mereka mempunyai kebebasan dalam segala kepercayaan, fikiran, ibadat dan upacara agama mereka.

Ini adalah hak-hak yang banyak diberikan oleh perlembagaan Islam kepada rakyatnya dari kalangan orang-orang yang bukan Islam, iaitu hak-hak tetap dan tersendiri yang tidak boleh dicabut atau dirampaskan daripada mereka selagimana mereka berada di dalam lingkung dhimmah (jagaan) kita dan di bawah lindungan kita. Walau bagaimanapun kerajaan bukan Islam menindas rakyatnya dari orang-orang Islam serta mengenakan berbagai-bagai tekanan dan penyiksaan ke atas mereka, namun tidaklah harus untuk kerajaan Islam, lantaran itu semua, mencerobohi rakyatnya dari orang-orang bukan Islam dan menyingkir -kan mereka daripada hak-hak mereka, kerana ini menyalahi syari'at Islam dan melanggar piagam-piagamnya. Demi kebenaran! Jika seorang Muslim terbunuh di luar negara kita, tidaklah harus sama sekali bagi kita menumpahkan setitik darah ahli dhimmah pun di dalam negara kita melainkan dengan kebenaran.

Soal mengendalikan pentadbiran dan menggerakkan perjalanan kerajaan Islam ini adalah diserahkan kepada seorang 'AMIR' yang mana jawatan serta tugas-tugasnya serupalah dengan presiden republik zaman ini. Tiap-tiap orang yang percaya dan menerima prinsip-prinsip perlembagaan, dia berhak - bila mana sampai usia kematangannya - menyatakan pendapatnya dalam pemilihan amir. Apa yang harus diperhatikan secara khusus dalam soal pemilihan amir ini ialah taqwa, mempunyai pengetahuan yang cukup tentang Islam serta keahlian yang lengkap untuk mentadbirkan urusan-urusan umat Islam baik waktu damai maupun waktu perang. Oleh itu jawatan amir ini tidak boleh disandangkan melainkan kepada orang yang memakai sifat-sifat ini sepenuh-penuhnya, dan dia juga mendapat kepercayaan umat lebih banyak daripada orang-orang lain. Kemudian sebuah Dewan Permesyuaratan harus diadakan untuk menolong amir, yang mana seluruh anggota-anggotanya dipilihkan juga oleh individu-individu masyarakat. Amir mestilah menjalankan polisi negara dengan mesyuarat bersama-sama para anggota dewan permesyuaratan. Dia akan tetap menjadi amir selama mana dibekali dengan kepercayaan umat dan selama mana umat bergantung kepadanya. Tetapi jika kepercayaan itu telah hilang, dia mestilah turun dari jawatannya. Selama mana dia mendapat kepercayaan umat, dia masih tetap menduduki jawatan yang tertinggi itu, perintahnya tetap dipatuhi, kata-katanya masih didengar dan dilaksanakan. Malah dalam keadaan yang demikian itu, dia berhak juga menolak fikiran-fikiran para anggota Dewan Permesyuaratan dalam satu-satu hal yang dilihatnya bahawa kebenaran adalah berlainan daripada pendapat-pendapat mereka itu. Penghuni-penghuni negara berhak mengkritik kerajaan amir jika sekiranya ada perkara-perkara yang mereka nampak harus dikritik.

Ada pun menggubal perundangan dan undang-undang dalam negara Islam,

ianya tidak boleh dilakukan melainkan dalam lingkungan batas-batas yang telah ditetapkan oleh syari'at, tidak boleh sama sekali dilampaui. Umat Islam mestilah terikat sepenuhnya kepada apa yang diturunkan oleh Allah dan yang telah diatangkan oleh Rasul Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Mana-mana Dewan Perundangan tidak boleh melakukan padanya walau sekecil-kecil perubahan sekalipun. Adapun hukum-hukum yang boleh difahami dengan dua fahaman dan seterusnya, maka orang-orang yang pakar di dalam fiqh Islam hendaklah menjelaskan fahaman yang betul dan mendapatkan apa yang sebenarnya dikehendaki oleh syari'at yang tercinta di balik hukum- hukum itu. Perkara-perkara yang seumpama ini hendaklah diserahkan kepada komiti 'alim-ulama' dan ahli-ahli fiqh yang ditubuhkan di bawah Dewan Permesyuaratan. Selain dari itu, kita dapati ada banyak perkara-perkara yang dinaskan secara khusus oleh syari'at, untuk nas-nas ini, Dewan Permesyuaratan berhak mengadakan undang-undang dalam lingkungan batas-batas syara'.

Amir dan Lembaga Pelaksanan kerajaan tidak mempunyai authoriti di atas soal kehakiman dalam Islam. Orang-orang yang memegang jawatan ini mewakili Allah Subhanahu Wata'ala dan mereka bertanggungjawab secara langsung di hadapannya. Seorang hakim - meski pun kerajaan yang melantiknya - bilamana dia ditentukan di dalam Dewan Kehakiman, dia tidak boleh menghukum antara orang ramai melainkan dengan apa yang Allah turunkan dan yang ditunjuk ajarkan oleh RasulNya Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Tidak ada siapa yang boleh terlepas daripada kuasa dan keadilannya sehingga orang-orang kerajaan sendiri. Kepala kerajaan sendiri pun mesti menghadirkan dirinya di hadapan hakim seperti kebanyakkan penghuni negara jika dia mendakwa atau didakwakan.

KEEMPAT: SISTEM SOSIAL[4]

Sistem sosial Islam terbena di atas teori: Bahawa zuriat-zuriat manusia di atas muka bumi ini seluruhnya adalah daripada keturunan yang satu. Pada mulanya Allah menciptakan satu jiwa (diri) sahaja. Daripadanya diciptakan pula pasangannya. Dan daripada kedua-duanya itulah disebarkan seluruh zuriat manusia yang kita lihat meneroka dan menghuni di merata pelusuk dunia hari ini. Titihan sepasang manusia ini terus menerus pada mulanya merupakan satu umat dengan agama dan bahasa yang satu, tidak ada sebarang perbezaan dan perpisahan di antara mereka. Tetapi semakin mereka membiak dan bertambah banyak, semakin bertaburanlah mereka di segenap rantau bumi ini, dan kerana ini secara tabi'inya mereka pun berpecahlah kepada bermacam-macam bangsa, umat dan suku. Seterusnya perbezaan juga menjalar kepada bahasa- bahasa, pakaian-pakaian serta cara-cara kehidupan mereka. Keadaan udara berbagai-bagai daerah itu telah mempengaruhi pula terhadap warna kulit serta bentuk muka mereka dengan pengaruh yang besar. Semua perbezaan ini adalah perbezaan-perbezaan tabi'i yang kerana jawatannya. Tidak boleh seseorang mencabul hak-hak yang diuntukkan buat orang lain kerana berbangga dengan satu-satu keturunan atau bersandar kepada satu-satu keluarga atau lapisan yang tertentu di dalam masyarakat. Begitu juga tidak ada di kalangan mereka seorang lelaki menjadi mulia atau hina kerana keluarganya, atau kerana harta dan kekayaan yang dimilikinya. Tetapi di dalam masyarakat ini seseorang menjadi mulia dan terhormat bila mana dia menghiasi dirinya dengan perangai-perangai yang baik dan mempunyai taqwa serta takut kepada Allah, lebih daripada yang dipunyai oleh orang-orang lain.

Masyarakat ini tidak dibataskan dengan batas-batas keturunan dan warna kulit, tidak pula dengan batas-batas geografi. Malah dia melampaui itu semuanya dan boleh tersibar di seluruh penjuru dan pelusuk bumi ini, sehingga terdiri di atasnya persaudaraan manusia antara bangsa. Tetapi masyarakat-masyarakat yang bercorak keturunan dan kebangsaan, ianya tidak dapat disertai melainkan oleh mereka-mereka yang berasal daripada keturunan tertentu sahaja. Pintunya tertutup terhadap anak-anak manusia selain mereka. Masyarakat, fikiran dan akhlaq Islam ini sentiasa membukakan pintunya untuk tiap-tiap orang yang percaya dengan satu 'aqidah dan satu pengontrol akhlaq yang tertentu di mana dia turut menggabungkan dirinya ke dalam masyarakat ini dan menikmati segala hak yang sama dengan apa yang dini'mati oleh orang lain. Kemudian, orang-orang yang tidak mempercayai 'aqidah dan pengontrol akhlaqnya, sungguh pun negara Islam ini tidak memandang mereka sebagai anak-anaknya dan orang-orang yang bernaung di bawah panji-panjinya, namun dia merangkul mereka

[4] Terjemahan suatu syarahan yang telah disampaikan oleh Pengarang melalui radio Pakistan, Lahore, pada lOhb. Februari, 1948M. Untuk lebih detail sila baca buku: *Studies in the Family Laws of Islam* oleh saudara Prof. Khurshid Ahmad, Karachi, 1961 — Penterjemah.

dengan emosi-emosi kemanusiaan yang menyeluruh dan dia tidak memutuskan hak-hak semulajadi manusia daripada mereka. Jelas dan terang bahawa dua orang adik beradik, bila mana kedua-duanya menganut fikiran dan 'aqidah yang berbeza serta menjalani dua jalan yang berlainan dalam hidup ini, tidaklah bererti bahawa ikatan keturunan di antara kedua-duanya sudah putus. Begitu juga apabila terbahaginya keturunan manusia atau terbahaginya penduduk mana-mana negeri kepada dua golongan: satu golongan percaya kepada 'aqidah dan prinsip-prinsip ini, sedang satu golongan lagi tidak percaya kepadanya, tidaklah diragukan lagi bahawa mereka sudah terpisah begini kepada dua buah masyarakat yang berbeza, tetapi persaudaraan manusia masih tetap juga mengikat antara kedua-duanya. Di atas asas-asas kemanusiaan bersama inilah, masyarakat Islam telah menyerahkan apa yang boleh[5] digambarkan sebagai hak-hak manusia dan memberikannya kepada seluruh masyarakat yang bukan Islam.

Sekiranya anda sudah memahami segala tonggak sistem sosial Islam itu, marilah sekarang kita mengkaji dan menyelidiki tentang peraturan-peraturan dan tata cara kerja yang telah digariskan oleh Islam untuk berbagai- bagai rupa gotong-royong atau saling memikulkan tanggungjawab di dalam masyarakat manusia.

Institusi pertama dan yang terpenting kedudukannya dalam masyarakat manusia ialah rumahtangga. Institusi nilah yang membangunkan binaan masyarakat dan mengwujudkan anggota-anggotanya dengan jalan perkahwinan antara sepasang manusia. Dengan perkahwinan ini lahirlah ke alam wujud ini generasi baharu yang tercabang daripadanya ikatan-ikatan kerabat, pertalian-pertalian adik-beradik dan lainnya dari ikatan- ikatan keluarga. Dan ikatan-ikatan ini terus berkembang dan meluas sehingga menghamparkan sayapnya ke atas masyarakat yang rendang segi-seginya. Selain dari itu, rumahtangga adalah institusi yang mana di dalamnyalah akhlaq setiap generasi itu dilatih dan disediakan untuk memikul tanggungjawab untuk ketamadunan manusia yang...

…hadap adik-beradik dan kerabat yang tertentu sahaja. Selain itu dihalalkan untuk seseorang mengahwini sebagaimana yang dikehendaki dan sesiapa yang dikehendaki dari kalangan sanak-saudara dan kerabat dekat atau jauh. Islam sudah melampaui perbezaan-perbezaan perkauman dan meruntuhkan langsung tiangnya. Diizinkannya dengan leluasa untuk orang Islam bernikah-kahwin sesama mereka, disuruhnya mereka bersederhana dalam meletakkan mahar

[5] Ini tidaklah mcnafikan pertukaran fikiran dan pendapat di antara suami isteri dalam menyelesaikan segala persoalan rumahtangga yang timbul. Begitu juga suami tidak boleh menyalah gunakan hak keketuaan ini lantas menindas isterinya. Apa yang dikehendaki oleh Islam di sini ialah supaya suami menjalankan tanggungjawabnya dengan wajar dan dengan cara yang sebaik-baiknya. — Penterjemah.

perempuan dan bersederhana dalam menyediakan kelengkapan-kelengkapan -nya sehingga mampu ditanggungi oleh kedua-dua belah pihak. Untuk menjalinkan ikatan perkahwinan dalam pandangan Islam, tidaklah diperlukan seorang qadi, seorang alim atau seorang kerani, malah sebenarnya ikatan perkahwinan di dalam masyarakat Islam hanyalah merupakan satu kerja mudah yang boleh diputuskan dengan saling berkesudian di antara sekelamin manusia yang sudah baligh dengan disaksikan oleh dua orang saksi. Tetapi ikatan ini tidak harus dilangsungkan secara sulit dan rahsia, malah wajib dilangsungkan secara nyata dan terang-terangan.

Islam telah menjadikan suami sebagai ketua atas isterinya dan sebagai pengelola atas segala urusan rumahtangga agar diletakkannya di atas asas yang kukuh dan peraturan yang baik. Disuruhkan isteri patuh dan berbakti kepada suaminya seperti mana disuruhkan anak-anak patuh dan berbakti kepada ibu bapa. Islam tidak senang dengan rumahtangga yang tidak kuat tiang serta sendinya; rumah-tangga yang tidak ada ketua dan pengelola, tidak ada di dalamnya orang yang bertanggungjawab terhadap tingkah-laku para anggotanya, juga terhadap pergaulan dan berbagai-bagai urusan mereka. Bila mana sudah termaklum bahawa peraturan rumahtangga tidak mungkin beres, kecuali dengan adanya ketua dan pengelola atas segala urusannya, ketua keluarga adalah lebih patut dan lebih layak disandang oleh suami daripada orang-orang lain di dalam pandangan Islam. Tetapi ini tidaklah bererti bahawa Islam telah menjadikan suami sebagai seorang diktator terhadap anggota-anggota rumah yang boleh mengepalai mereka sekehendak hatinya, sedang isteri hanya diserahkan kepada suami untuk dimilik dan tidak ada peranan dan pengaruhnya dalam mentadbir dan menguruskan rumahtangga. Kasih-sayang dan kasihan-belas adalah merupakan asas yang hakiki bagi pergaulan rumahtangga di dalam Islam. Jika wanita wajib mematuhi keinginan suaminya, demikian jugalah suami wajib menggunakan pengaruhnya untuk kejayaan, kebahagiaan dan keharmonian keluarga, bukan menggunakannya untuk kezaliman dan pencerobohan. Islam tidak ingin mengekalkan hubungan suami-isteri melainkan jika hubungan itu disertai dengan kemanisan kasih-sayang dan kasihan belas, atau sekurang- kurangnya boleh dilangsungkan pergaulan yang baik. Sekiranya pergaulan ini sudah tidak mungkin lagi, Islam memberi pilihan kepada suami supaya menceraikan isterinya dan memberi pilihan kepada isteri supaya berpisah dari suaminya. Begitu juga Islam mengharuskan kepada Mahkamah Islam untuk membatalkan nikah bilamana kasih-sayang dan kasihan-belas itu bertukar menjadi kacau-bilau.

Daerah yang paling dekat kita dapati selepas daerah rumah tangga yang sempit itu ialah daerah kaum-kerabat dan sanak-saudara yang mempunyai hubungan darah. Islam mahu melihat mereka yang terbuhul di antara satu sama lain dengan ikatan-ikatan anak-pinak, persaudaraan, atau yang menjadi padanya…

…dia adalah dari ahli neraka." Kata mereka lagi: Ada seorang perempuan lain menunaikan sembahyang fardu dan bersedekah dengan lembu-lembu dia tidak menyakiti sesiapa. Rasul Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "Dia adalah dari ahli syurga".[6]

Pernah juga Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam bersabda: "Wahai Abu Zar! Jika engkau memasak sayur, perbanyakkanlah airnya dan bahagi-bahagikanlah kepada jiran tetanggamu."[7]

Pendek kata, Islam mahu memesrakan di antara mereka yang dibuhulkan oleh ikatan-ikatan jiran-tetangga dan menjadikan mereka saling jamin-menjamin dalam segala suka-duka yang mereka hadapi, dan Islam juga mahu mengadakan ikatan-ikatan percaya-mempercayai dan harap-mengharapi sehingga tiap-tiap seorang dari mereka dapat dipercayakan oleh saudaranya terhadap diri, kehormatan dan harta punyanya. Inilah dia pergaulan Islam dan tatasusilanya. Ada pun pergaulan yang di dalamnya kita dapati dua orang tetangga yang hanya dipisahkan oleh sekeping dinding sahaja, sedang mereka tidak kenal-mengenal meski pun sudah sekian lama mereka berdekatan, pergaulan yang tidak terdapat di antara penduduk satu kawasan itu sedikit pun kemesraan, kasih sayang dan saling percaya-memperpayai, maka tidaklah boleh dianggap sama sekali dari pergaulan Islam.

Kemudian selepas ikatan-ikatan yang agak berhampiran ini, kita menemui satu daerah hubungan-hubungan yang luas, iaitu hubungan-hubungan yang merangkum jama'ah Islam seluruhnya. Inilah sedikit prinsip- prinsip dan lunas-lunas yang di atasnya Islam mendirikan penghidupan sosial kita di dalam daerah yang luas ini:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُواْ وَكَذَّبُواْ بِـَٔايَـٰتِنَآ أُوْلَـٰٓئِكَ أَصۡحَـٰبُ ٱلۡجَحِيمِ ﴿١٠﴾

(1) Maksudnya: Adapun orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat kami, mereka itu adalah penghuni neraka. (Surah al-Maidah: Ayat 10).

---

[6] Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dalam kitab al-Adab dari Ibnu Zubayr.

[7] Abu Zar Al-Ghiffari (Radiyallahuanhu): Ialah salah seorang sahabat Nabi (sallallahu 'alaihi wasallam), yang besar dan masyhur. Beliau telah berjihad dengan penuh jiwa keperwiraan di zaman Nabi dan Khalifah al-Rasyidin ke III dan telah menempuh berbagai tribulasi perjuangan. Beliau juga terkenal dengan sifat kezuhudannya - Penterjemah.

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِٱلْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ ٱلْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ ۗ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ ٱلْكِتَٰبِ لَكَانَ خَيْرًا لَّهُم ۚ مِّنْهُمُ ٱلْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿١١٠﴾

(2) Kamu adalah umat yang paling terbaik yang dilahirkan untuk manusia. Kamu menyuruh dengan kebajikan dan kamu melarang dari kemungkaran. (Surah Ali 'Imran: Ayat 110).[8]

(3) Awasilah kamu dari sangka mara, kerana sangka mara itu adalah percakapan yang paling dusta. Dan jangan kamu mengintip, jangan berlawan-lawan, jangan hasad-menghasad, jangan dengki-mendengki dan jangan kamu mengadakan pakatan yang jahat. Jadilah kamu hamba-hamba Allah yang bersaudara.[9]

(4) Barang siapa kasih kerana Allah, marah kerana Allah, memberi kerana Allah dan menengah kerana Allah, sesungguhnya dia sudah menyempurnakan keimanannya.[10]

(5) Barang siapa berjalan bersama seorang zalim dengan tujuan untuk menolongnya, pada hal dia tahu yang…

[8] Riwayatkan oleh Bukhari dalam kitab al-Adab.
[9] Hadith Sahih Muslim, bab Tahrim al-Zani wal-Tajassus
[10] Misykatul Masabih, bab al-lman

KELIMA: SISTEM EKONOMI[11]

Islam mengadakan batas-batas serta meletakkan lunas-lunas untuk menetapkan segala urusan ekonomi manusia di atas prinsip-prinsip kebenaran, keadilan dan amanah, dan dia memutuskan bahawa sistem ekonominya itu hanyalah akan berjalan dan bekerja di dalam mengurus dan membelanjakan kekayaan di dalam lingkungan batas-batas yang digariskan ini, tidak akan menyimpang buat selama-lamanya daripadanya. Adapun cara-cara melaburkan kekayaan dan bentuk-bentuk pengurusan serta pengusahaannya, maka tidaklah diberi perhatian sedikit pun oleh Islam, malah dibiarkannya berlaku dan membaharui mengikut putaran zaman dan hari; kerana hal itu adalah di antara perkara-perkara yang menjajari kemajuan yang sentiasa timbul dan berubah-ubah dari sehari ke sehari di mana ianya terbentuk dan tercorak mengikut keadaan-keadaan dan suasana-suasana manusia, juga mengikut hajat-hajat yang menemui mereka di dalam…

Barang siapa mendapat hak-hak milik dengan jalan-jalan halal yang diharuskan di dunia ini, maka tidak syak lagilah bahawa hak-hak ini patut dihormati dan dipelihara dalam segala keadaan. Samada pemilikan ini mempunyai syarat-syarat 'sah'nya yang penuh pada pandangan syarak atau tidak, maka bolehlah disiasat dan diselidiki. Sekiranya tidak penuh syarat-syarat sahnya pada pandangan syarak, maka mestilah ianya dicabut daripada tuannya, tetapi hak-hak milik yang diakui oleh syara' dan undang-undang, tidaklah harus bagi mana-mana Dewan Perundangan atau mana-mana kerajaan merampaskannya daripada pemilik-pemiliknya ataupun menokok dan mengurangkan sesuatu dari hak-hak mereka yang halal itu. Tidak harus sekali-kali lahir di bumi ini satu sistem - dengan nama kepentingan umum - mahu menghapuskan hak-hak yang telah diakui oleh syari'at Islam. Seperti mengabaikan ikatan-ikatan yang dikenakan oleh syari'at Islam terhadap hak-hak milik individu untuk menjaga kepentingan orang ramai itu dianggapkan sebagai satu kezaliman dan pencabulan terhadap kebenaran, maka begitu jugalah - terlalu berlebih-lebihan dalam mengenakan ikatan ini, tidak kurang pula kezaliman dan pencabulannya. Adalah merupakan di antara tanggungjawab- tanggungjawab kerajaan Islam supaya menghormati hak-hak para individu yang halal dan mengambil daripada mereka hak-hak orang ramai yang diwajibkan oleh syari'at Islam ke atas mereka.

Bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah menciptakan manusia ini dan dia tidak menjadikan mereka sama-rata di dalam pembahagian ni'mat, malah dilebihkan setengah atas setengah mengikut hikmat dan kehendakNya. Perbezaan di antara hamba-hamba Allah ini ternyata di dalam ketampanan dan kecantikan mereka,

[11] Terjemahan suatu syarahan yang telah disampaikan oleh Pengarang melalui radio Pakistan, Lahore, pada 2hb. Mac, 1948M. Untuk lebih detail sila baca buku: Economic Problem of man and its Islamic Solution, Islamic Publication Ltd. Lahore - Penterjemah.

di dalam kemerduan suara mereka, di dalam kegagahan tubuh-badan mereka dan di dalam kecekapan fikiran mereka dan seterusnya dari perkara-perkara yang seumpama itu yang mana persediaannya sudah ada sejak mereka diperanakkan lagi. Begitu juga tentang masalah rezeki itu. Fitrah (hal semulajadi) yang di atasnya Allah ciptakan manusia, menghendaki agar ada perbezaan dan berlebih-kurang dalam rezeki manusia yang mana keadaannya serupalah dengan bakat-bakat yang lain lagi. Tiap-tiap rancangan yang dipilih dan ditadbirkan urusannya untuk mengadakan persamaan ekonomi di antara hamba-hamba Allah seperti mana yang didakwakan itu adalah palsu dari asasnya lagi mengikut apa yang dilihatkan oleh Islam; kerana Islam tidak pernah mengatakan dengan persamaan dalam rezeki itu sendiri, tetapi dia mengatakan dengan persamaan dalam peluang-peluang berusaha dan bekerja untuk mencari kehidupan dan menuntut rezki. Matlamat yang ditujukan oleh Islam ialah supaya dapat dihapuskan dari dalam masyarakat manusia segala sekatan dan rintangan undang-undang atau tradisi yang menyekat manusia dan membantutnya daripada menjalankan usaha dan mengerahkan daya-tenaganya pada jalan pencarian rezki mengikut tenaga-tenaga dan bakat-bakat yang telah disediakan oleh Allah baginya. Begitu juga Islam bermaksud hendak melenyapkan daripada masyarakat manusia segala keistimewaan dan keutamaan yang menjaminkan kekayaan turun-temurun untuk stengah-setengah lapisan, keturunan atau keluarga tertentu, di mana Islam melingkunginya dengan meletakkan pengawasan terlebih dahulu. Kedua-dua jalan ini (jalan menyama- ratakan rezki manusia dan jalan penjaminan kekayaan turun-temurun) mengalihkan perbezaan semulajadi serta berlebih-kurangan yang tabi'i itu secara paksa kepada perbezaan yang sedikit dan tidak semulajadi. Kedua-dua jalan ini ditolak oleh Islam dan mahu dihapuskannya. Dan Islam menetapkan satu sistem ekonomi masyarakat di atas satu methode semulajadi yang padanya dibuka pintu-pintu kerja dan usaha kepada tiap-tiap orang dari anggota masyarakat. Mereka yang mahu mempersamakan di antara hamba sebagai zakat yang wajib. Hasil bijian-bijian serta buah-buahan yang dikeluarkan oleh bumi adalah diambil sebanyak 10% atau 5%. Begitu juga Syan'ai telah mewajibkan 20% dari hasil setengah-setengah logam dan diambil juga kadar-kadar yang difardukan daripada hasil-hasil binatang dan ternakan mengikut bilangannya masing-masing. Syariat juga telah memfardukan supaya harta-harta yang telah diperolehi dengan jalan-jalan ini dibelanjakan dalam usaha menolong orang-orang fakir miskin, anak-anak yatim, orang-orang dhaif dan susah. Ini adalah satu jaminan sosial yang kerananya mustahil didapati di dalam masyarakat Islam itu seorang manusia yang tidak mendapat sesuatu yang termesti dari hajat-hajat penghidupan. Begitu juga mustahil terdapat ketika itu seorang pekerja yang terpaksa mencari rezki dengan keringat dahinya kerana takutkan kebuluran sehingga dia sanggup menerima sahaja apa-apa syarat upahan yang amat kerdil yang dikemukakan kepadanya oleh para pemilik dan majikan. Oleh yang demikian, tenaga mana-mana individu dari anggota- anggota masyarakat itu

tidaklah boleh jatuh lebih rendah daripada garis 'minimum' yang masih membolehkannya memberi sumbangan di dalam perjuangan ekonomi.

Barang siapa mendapat sesuatu dari perbendaharaan Tuhannya sebagai modal, lalu dia membaikinya dan menjadikannya perkara yang manfaat dan berguna dengan usaha dan kerjanya sendiri, dialah yang menjadi tuan dan pemiliknya. Contohnya ialah seperti tanah mati yang hak milik atasnya tidak dipunyai oleh sesiapa pun. Bilamana ada seseorang mengambil dan membaikinya, lalu menggunakannya pada jalan yang memberi manfaat serta membuahkan hasil - tanah itu tidak boleh direbutkan dari miliknya. Begitulah bermulanya segala hak-hak milik di bumi ini seperti mana yang dilihatkan oleh Islam. Tatkala manusia meneroka bumi ini pada mula-mulanya, adalah segala sesuatu itu merupakan pengharusan yang menyeluruh buat sekalian anak-anak Adam 'Alaihissalam. Sesiapa yang mendapatkan sesuatu, lalu membaiki dan menjadikannya benda yang berguna dan manfaat, dialah yang menjadi tuan dan pemiliknya; ertinya dia berhak mengkhusus- kan pemakaiannya buat dirinya sahaja, dan dia berhak meminta sewa daripada orang yang mahu mengambil manfaat dengan harta itu. Ini adalah asas semulajadi yang di atasnya terdiri binaan segala soal-soal ekonomi manusia. Kerana itu munasabahlah bahawa asas ini terus tinggal dengan tetapnya, dijaga dan dihormati.

Islam ingin membangunkan orang perseorangan dan masyarakat di atas neraca yang lurus dan mahu mengembelingkan kedua-duanya di atas keseimbangan yang secukup-cukupnya di mana hak-hak perseorangan - dari segi hak perseoranganny a - masih ada dan kebebasannya masih dipelihara, sedangkan kebebasan itu tidak pula merosakkan masyarakat malah manfaat untuknya. Islam tidak memandang baik kepada satu sistem politik atau ekonomi yang menghancurkan hak-hak perseorangan untuk kepentingan masyarakat serta tidak meninggalkan langsung untuknya kebebasan yang tidak boleh tidak buat menyempurnakan segala bakat semulajadi dan teras keindividuannya. Natijah yang mesti berlaku dari pengambilan seluruh jalan kehidupan serta saluran prodaksi sebagai milik bersama itu ialah, bahawa sekalian warganegara itu terikat dengan tali-tali pengontrol masyarakat sehingga tidak dapat lagi mereka menceraikan diri daripadanya dan tidak dapat bergerak. Ternyata sangat payah, malah mustahil, dalam keadaan seumpama ini, bahawa hak perseorangan warganegara itu akan terus subur serta mencapai ketinggiannya. Apa yang termaklumnya ialah, bahawa memelihara hak perseorangan itu adalah berkehendakkan kepada kebebasan ekonomi yang begitu luas sepertimana juga berkehendakkan kepada membelanjakan harta-harta yang diperolehi dengan jalan-jalan yang halal itu melainkan ke dalam jalan-jalan yang halal juga. Untuk tujuan ini, Islam telah meletakkan batas-batas untuk pengeluaran biaya di mana seseorang boleh hidup dengan kehidupan yang baik dan bersih, tetapi dia tidak boleh membelanjakan harta-hartanya ke dalam jalan-jalan keji dan berpoya-poya,

pun dia tidak boleh mengeluarkannya untuk menonjol-nonjolkan kemewahan dan kelumayanannya supaya dia meninggikan diri di atas sesama sebangsanya dan supaya dia dipandang oleh orang sekelilingnya seperti mereka memandang kepada pembesar-pembesar yang bongkak. Di sana terdapat beberapa rupa pemborosan dalam membelanjakan harta yang diharamkan oleh undang-undang Islam dengan jelas dan terang, dan di sana terdapat pula beberapa rupa pemborosan lain, sekalipun tidak diharamkan dengan terang oleh Islam, tetapi dia memberi pilihan tentangnya kepada kerajaan Islam sekiranya dia mahu mengenakan undang-undang ke atas manusia dan menengah mereka daripada membelanjakan harta mereka dengan berlebih-lebihan. Jika seseorang mempunyai harta yang lebih selepas dibelanjakan di dalam perkara- perkara harus dan teliti, dia boleh pula memilih sama ada hendak mengumpul dan menyimpannya atau pun hendak mengalihkannya ke dalam bidang-bidang perusahaan dan perniagaan dengan maksud menambah serta memperbanyakkan -nya. Cuma Islam meletakkan sempadan-sempadan dan ikatan-ikatan tertentu di dalam kedua-dua keadaan ini. Jika dia ingin mengumpulnya, dia mestilah menunaikan zakat pada tiap-tiap tahun daripada hartanya yang lebih dari nisab. Dan jika dia mahu mengalihkannya, dia tidak boleh mengalih kecuali ke dalam perusahaan yang halal serta perniagaan yang harus. Kemudian perniagaan ini sama ada diuruskan sendiri oleh perseorangan atau pun dia memperkongsikan keuntungan dari kerugiannya dengan orang lain bila mana dia menyerahkan harta dan barang-barangnya kepada orang itu atas jalan syarikat samada berupa mata - wang, tanah atau perkakas-perkakas. Jika seseorang mendapat kekayaan yang bertimbun di dalam sempadan-sempadan dan ikatan-ikatan ini setelah sekian lama berusaha, dia tidaklah berdosa apa-apa pada pandangan Islam; malah itu merupakan satu ni'mat yang dikurniakan oleh Allah ke atas hambaNya dan satu kemuliaan yang dianugerahkan kepadanya. Dalam pada itu pun, Islam mensyaratkan kepadanya dua syarat untuk menjamin entiti masyarakat. **Pertama**: Tiap-tiap tahun hendaklah dia menunaikan zakat hartanya dan juga satu per sepuluh daripada hasil-hasil pertaniannya yang telah diwajibkan oleh Allah. **Kedua**: Hendaklah dia melayani dengan baik dan insaf akan orang-orang yang berkongsi dengannya atau orang-orang yang mengambil upah daripadanya dalam usaha perniagaan, perindustrian atau pertanian. Sekiranya dia tidak melayani mereka dengan adil dan saksama, kerajaan Islam akan memaksanya untuk itu.

Kemudian kekayaan yang terkumpul di dalam lingkungan sempadan-sempadan yang diharuskan ini pula, tidak direlai oleh Islam tinggal tersimpan buat masa yang lama. Malah Islam memutuskan dengan hukum undang-undang (undang-undang pusaka) untuk menyibar dan membahagi-bahagikannya pada tiap-tiap generasi. Aliran undang-undang Islam di dalam masalah ini adalah sangat berlainan daripada segala aliran mana-mana undang-undang lain di dunia ini. Apa yang ditujukan oleh undang-undang lain ialah, bahawa kekayaan yang

sekali sudah terkumpul itu berhak terkumpul terus untuk beberapa jenerasi. Tetapi Islam sesebaliknya telah membawa satu undang-undang syumul yang menengaskan bahawa harta yang telah dikumpulkan oleh seseorang di dalam hidupnya itu, hendaklah dibahagi-…

KEENAM: SISTEM KERUHANIAN[12]

Apakah dia sistem Islam tentang hubungan di antara hamba dan Tuhannya? Dan apakah hubungan di antara sistem ini dengan sistem-sistem lain di dalam penghidupan ini? Untuk memahami dan mengetahui makna masalah ini, kita mestilah mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai perbezaan di antara gambaran hubungan antara hamba dan Tuhannya di dalam Islam dengan gambaran hubungan ini di dalam segala agama dan sistem-sistem filsafat yang lain. Ini ialah kerana seseorang itu, jika tidak mengerti perbezaan ini dan tidak mengkaji dalam masalah ini, selalulah terlintas di dalam fikirannya - sama ada dengan bermaksud atau tidak - bermacam-macam gambaran dan khayalan yang selalunya melekat dengan apa yang dinamakan hari ini sebagai perkara-perkara keruhanian. Di sinilah dia akan terkeliru dan tidak dapat mengetahui dari jenis manakah sistem keruhanian yang aneh ini yang mana pengaruhnya melampaui kawasan ruh yang termaklum itu kepada kawasan benda dan tubuh-badan serta masuk-campur dalam hal-halnya, bahkan mahu menguasainya dan mengendali-kan segala urusan-urusannya.

Fikiran yang masih lagi ghalib terdapat di dalam gelanggang filsafat dan agama sekarang ini ialah, bahawa ruh dan tubuh itu merupakan dua unsur yang bertentang dan tidak boleh berhimpun sekali; yang ini di satu pihak dan yang itu di pihak yang lain. Apa yang diminta dan dikehendaki oleh yang ini bukan di minta dan dikehendaki oleh yang itu. Lantaran itu, mustahillah kedua-duanya maju dan mencapai kegemilangan bahu- membahu. Tubuh dan alam kebendaan adalah merupakan penjara bagi ruh. Segala kehendak dunia dan karam di dalam kelazatan dan keinginannya adalah belenggu-belenggu dan rantai-rantai yang mengikat ruh manusia. Demikian juga perkara-perkara keduniaan dan jalan-jalan pencarian rezki dan kehidupan dunia ini adalah merupakan dinding-dinding dan rintangan-rintangan yang menyekat ruh serta menghalanginya daripada mendaki ketinggian dan kemajuan.

Jusetru natijah-natijah yang termesti bagi fikiran ini, ialah terbuntunya jalan-jalan keruhanian dan kebendaan serta terpisah jalan-jalan dan methode-methode keduanya. Orang-orang yang mencari benda dan berusaha di dalam hal-hal keduniaan berasa kecewa sejak langkah pertama lagi dari menjajari keruhanian serta menyelaraskan diri dengannya di dalam bidang ini. Justru tenggelamlah mereka sedalam-dalamnya di dalam penyembahan benda, dan tergelunsurlah segala masyarakat mereka, kemajuan mereka, politik mereka, - kehidupan mereka dan seluruh penghidupan dunia mereka daripada keruhanian, dan tersingkirlah semua itu daripada pertunjuk-pertunjuknya sehingga bumi ini

---

[12] Terjemahan suatu syarahan yang telah disampaikan oleh Pengarang melalui radio Pakistan, Lahore, pada 16hb. Mac, 1948M - Penter-jemah.

dipenuhi oleh kezaliman dan kekejaman.

Orang-orang yang mencari keruhanian pula telah berusaha mempertinggikan ruh-ruh mereka dengan memilih jalan-jalan serta cara-cara yang menjadikan mereka tersisih daripada hal-hal keduniaan. Ini ialah kerana untuk mempertinggi -kan ruh mengikut pandangan mereka, mustahil didapati satu jalan yang melalui di antara penghidupan dunia yang berliku-liku dan bersimpang-siur itu, dan mereka berpendapat, tidak ada salah apa-apa dalam usaha membangun dan mempertinggikan ruh jika diabaikan tubuh-badan serta tidak memberikannya perhatian yang wajar. Kerana itu kita lihat mereka telah merekakan riadah-riadah ruhani yang payah-payah sehingga memusnahkan segala nafsu serta keinginan manusia, dan meninggalkan tubuh bagaikan bangkai-bangkai yang kaku, tidak mempunyai perasaan dan tidak boleh bergerak. Dari sana mereka berpendapat, bahawa lorong-lorong gunung, penjuru-penjuru padang pasir dan gua-gua bukit adalah tempat-tempat yang paling dekat dan paling sesuai untuk pendidikan ruhani. Mereka pun menyerbu ke gunung-ganang dan gua-gua bukit melarikan diri masing-masing dari hiruk-pikuk penghidupan moden dan mereka lebih suka memencilkan diri tinggal sendirian beribadat kepada Allah. Semakin banyak mereka berfikir dan merenung, semakin tidak mereka nampak satu jalan ke arah kesuburan ruh dan kemajuannya melainkan memisahkan diri mereka daripada dunia, menyingkirkan segala pergantungan-pergantungannya dan memutuskan segala pertalian dan perhubungan yang menambat mereka dengan sesuatu dari alam kebendaan ini.

Kelebihan dari segi keduniaan dan kesampaian kepada batas kesempurnaan yang paling tinggi di dalam lapangannya sudah membawa pengertian, bahawa seseorang itu harus mengecap keenakan-keenakan material dan ni'mat-ni'mat lahir yang boleh disentuh dan yang bergemerlapan. Sudah menjadi tujuanya bahawa manusia harus bertukar menjadi seekor burung yang comel dan seekor ikan yang cantik, seekor kuda yang tangkas atau seekor serigala pemburu yang pandai membunuh dan menyiksa. Ini dari satu segi. Dari segi yang lain pula, makna kelebihan dan kesempurnaan dari sudut keruhanian ialah, bahawa manusia memiliki sejumlah dari kekuatan-kekuatan luar biasa yang terkeiuar daripada kawasan kejadian manusia dan melampauinya. Tujuannya ialah supaya manusia bertukar menjadi alat microscope yang seni, atau pun segala pandangan dan kata-katanya menjadi sebuah hospital yang cukup kelengkapan-kelengkapannya.

Apa yang dilihat oleh Islam dalam hubungan ini adalah berlainan daripada yang dilihat oleh sistem-sistem agama dan filsafat-filsafat lain di dunia ini. Dia mengatakan bahawa ruh manusia itu dijadikan Allah sebagai penggantiNya di bumi ini; kepadanya telah diserahkan sejumlah hak-hak yang sesuai dari tindak-tanduk, kewajipan dan tanggungjawab. Untuk menunaikan itu semua, dia

telah dikurniakan sebatang tubuh dari rupa-bentuk yang seindah-indahnya. Ruh tidak didatangkan ke dalam tubuh ini melainkan ialah supaya dia menggunakan -nya dalam tindak-tanduk yang dianugerahkan oleh Allah untuknya, dan supaya dia menunaikan dengan tubuh itu segala tanggungjawab yang diletakkan di atasnya. Oleh itu, tubuh bukanlah merupakan penjara bagi ruh, malah ‘makmal’ untuknya. Sekiranya ada apa-apa kesuburan dan ketinggian yang ditaqdirkan untuk ruh, ianya boleh dicapai dengan melahirkan bakat-bakat dan persediaan-persediaan semulajadinya dengan menggunakan segala perkakas dan tenaga makmal ini. Selain dari itu, dunia ini bukanlah merupakan tempat penyiksaan dan kesengsaraan bagi nafsu di mana ruh telah terbenam di dalam lumpurnya kerana sebab-sebab tertentu. Tetapi sebenarnya, dia adalah sebuah medan untuk kerja, sebuah gelanggang untuk usaha, untuk perjuangan dan kesungguhan yang mana Allah telah membangkitkan ruh manusia kepadanya untuk menjalankan tanggungjawab. Dan kerana ini, dia mempunyai hak bertindak tentang kebanyakan perkara-perkara yang lahir di dunia ini. Begitu juga telah dijadikan bersamanya manusia-manusia yang begitu ramai supaya mereka sama-sama menjalankan tanggungjawab- tanggjungjawab khilafah ini serta menanggung bebanannya. Berbagai-bagai cabang peradaban, sosial, ekonomi, politik dan lain-lain lagi telah lahir untuknya di alam wujud ini, sesuai dengan apa yang dikehendaki oleh tabiat semulajadi manusia. Selagi mana ketinggian ruhani dan pertumbuhan jiwa boleh didapati dengan mudah di dunia ini, bukanlah jalannya bahawa seseorang itu harus memencilkan diri daripada lapangan ini dan berkurung di satu-satu sudut tertentu, tetapi jalannya ialah melahirkan kecekapan serta bakat semulajadinya dengan bekerja, berusaha dan berjuang di dalam dunia ini. Rumah, kedai, pasar, pejabat, makmal, sekolah, mahkamah, balai-polis, camp-tentera, dewan parlimen, persidangan damai, medan perang dan seterusnya semua itu adalah bermacam-macam soalan untuk menguji hamba Allah di dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan dan pelajaran. Apakah yang akan menjadi akibat dan kesudahan nasibnya, jika dia tidak memberi perhatian terhadap sesuatu dari soalan-soalan itu atau meninggalkan kebanyakannya begitu sahaja tanpa memberi apa-apa jawapan? Bukankah markah yang akan menjadi habuannya itu kosong? Kemungkinan berjaya dan maju tidak boleh diperolehi melainkan bila mana seseorang memberi perhatiannya terhadap peperiksaan dan bila mana dia sungguh-sungguh bersedia untuk menghadapi ujian dan bersiap sedia untuk menjawab segala soalan yang akan dikemukakan kepadanya nanti.

Demikian juga Islam tidak suka kepada 'monachism'[13] dan menolaknya sama sekali; kerana Islam berpendapat tidak ada jalan untuk ketinggian ruhani manusia di luar daripada kehidupan masyarakat, tetapi di dalamnya. Ketinggian

[13] MONACHISM: Satu cara hidup zahid yang menolak segala keenakan hidup, hanya beribadat sahaja tanpa memperdulikan perkara-perkara lain. Cara hidup begini selalu kedapatan di dalam agama-agama Kristian, Hindu dan Budha - Penterjemah.

ruh, kesuburannya, kemajuannya, kegemilangannya, keheningannya, kebahagiaan dan kejayaannya, bukanlah tempatnya di pinggir-pinggir masyarakat, tetapi mengikut pandangan Islam, tempat itu semuanya adalah di dalam dasar masyarakat. Sekarang kita harus memandang dan meneliti terhadap criterion yang dikemukakan oleh Islam kepada kita untuk kemajuan dan kejatuhan ruh itu. Jawapan kepada pertanyaan ini tersimpan di dalam gambaran khilafah yang telah disebutkan dahulu. Manusia dari segi ianya khalifah Allah 'azza wa jalla di dunia ini, adalah bertanggungjawab di hadapan Tuhannya tentang apa yang diusaha dan dikerjakan di dalam hidupnya. Fungsinya di dunia tidak lain melainkan menggunakan segala hak, kuasa dan saluran yang dikurniakan oleh Allah kepadanya itu dengan penggunaan yang Sesuai dengan keredaan Allah dan mengikut hidayat serta kehendakNya. Segala bakat, tenaga dan kecekapan yang dianugerahkan kepadanya hendaklah dicurahkan sekadar daya dan kemungkinannya dalam menuntut wajah Allah Taala dan mencari keredaanNya. Dan di dalam berbagai-bagai perhubungan yang mengikatnya dengan manusia-manusia lain hendaklah dia melalui langkah dan aliran yang direlai oleh pencipta dan pemiliknya. Pendek kata, hendaklah dia mencurahkan segala usaha dan kerjanya untuk membaiki bumi ini dan membaiki cara hidup penghuni-penghuninya sepertimana yang Allah mahu melihat bumiNya ini dihiasi dan diperindahkan dengan kebaikan-kebaikan serta kebajikan-kebajikan.

Makin bertambah seseorang manusia melakukan bakti ini kerana merasai tanggungjawab dan menyedari kewajipan, kerana patuh kepada Tuhan serta taat setia kepada suruh perintahNya, kerana mencari keredaanNya, maka semakin bertambah hampirlah dia kepada Allah dan semakin dekatlah dia kepada rahmatNya yang sempurna itu. Pendekatan diri kepada Allah inilah merupakan ketinggian ruhani di dalam pandangan Islam. Sebaliknya pula kian manusia malas dan segan untuk bekerja dan berusaha, jahil dengan tanggungjawabnya, atau kian bertambahnya dia degil, sombong dan angkuh, maka kian menjauhlah dia daripada Allah. Penjauhan diri daripada Allah inilah yang merupakan kejatuhan ruhani sepertimana yang dilihatkan oleh Islam.

Apa yang ternyata daripada huraian ini adalah, bahawa lapangan kerja dan usaha bagi orang yang beragama dan orang yang keduniaan tidak berbeza pada pokoknya dari segi pandangan Islam. Malah kedua-duanya sama bekerja dalam satu medan dan sebuah gelanggang. Tetapi sebenarnya orang yang beragama menunaikan kewajipannya dalam lapangan ini dengan perhatian dan kewaspadaan yang selama-lamanya tidak akan sampai oleh orang yang keduniaan. Dia (orang yang beragama) menyedari dengan segala kewajipan yang diutarakan kepadanya tentang berbagai-bagai soal di dalam penghidupan dunia ini dan di dalam berbagai-bagai peringkatnya dari pergaulan rumahtangga membawa kepada pertubuhan antarabangsa sama sahaja dengan apa yang disedari oleh orang yang keduniaan, malah melebihinya. Apa yang memisahkan

di antara kedua-duanya hanyalah perbezaan dalam hubungan kedua-duanya dengan Tuhan dan cara hubungan ini. Orang beragama tidak bekerja melainkan dia merasai bahawa dia bertanggungjawab di hadapan Tuhannya. Dia tidak menghendaki dan tidak bermaksud daripada kerjanya itu kecuali wajah Tuhan dan keredaanNya sahaja. Sebaliknya orang keduniaan, dia sentiasa melihat dirinya, dia lepas bebas, tidak bertanggungjawab tentang kerjanya di hadapan sesiapa. Oleh itu dia tidak membuat satu-satu kerja melainkan mengikut apa yang diwahyukan oleh keinginan-keinginan dan kecenderungan-kecenderungan dirinya sendiri; tidak peduli terhadap apa yang disuruhkan oleh Tuhan dan apa yang dilarangNya. Jadi, perbezaan dalam hubungan kedua-duanya dengan Tuhan Maha Pencipta inilah yang mengalihkan seluruh penghidupan material orang yang berugama kepada penghidupan ruhani yang baik, dan inilah juga yang melenyapkan sinar penghidupan ruhani orang yang keduniaan dan meninggalkannya hidup di dalam gelap yang tidak ada jalan keluarnya.

Sekarang saya mahu bentang dan jelaskan kepada anda, bagaimana Islam melukiskan jalan ketinggian ruhani manusia di dalam lubuk penghidupan material dunia ini, dan bagaimana Islam membukakan di hadapannya pintu-pintu pertumbuhan dan kesempurnaannya.

Langkah yang pertama sekali ialah **iman**. Iaitu tertanam di dalam hati seseorang dan terpaku difikirannya bahawa tidak ada Tuhan, tidak ada pemilik dan tidak ada pemerintah selain daripada Allah sahaja, dan bahawa tidak ada tujuan yang dicarinya di dalam hidup ini dengan segala usaha dan kerjanya melainkan wajah Allah serta keredaanNya, dan tidak ada undang-undang baginya di dalam hidup ini melainkan suruhan dan tegahan Allah. Maka semakin tertanam dan bertunjangnya fikiran ini di dalam 'aqal seseorang, semakin tercoraklah dia dengan corak mentaliti Islam, dan semakin bertambahlah kemungkinan meningkatnya ketinggian ruhani sedikit demi sedikit sehingga sampai kepada setinggi-tinggi darjatnya.

Peringkat kedua ialah **'ta'at-setia'**. Artinya seseorang itu menyingkirkan segala kebebasan dan kemerdekaan pada segala perbuatan dan pekerjaan yang dilakukannya, dan di dalam segala kerjanya itu dia hanya mematuhi Allah, Tuhan yang diyakininya dan yang dipercayainya bahawa tidak ada Tuhan melainkan Dia sahaja. Ta'at-setia ini ialah 'Islam' mengikut istilah Al-Qur'an.

Peringkat ketiga ialah **taqw**a yang boleh kita unggapkannya dengan menyedari kewajipan dan merasakan tanggungjawab. Taqwa ertinya, bahawa seseorang hamba Allah itu tidak melakukan satu-satu kerja di dalam mana-mana segi penghidupannya melainkan dia yakin yang dia akan diadili di hadapan Tuhannya mengenai kepercayaan-kepercayaannya, perbuatan-perbuatannya, dan perkataan-perkataannya. Dan hendaklah dia menahan dirinya daripada

segala apa yang didapati Allah melarangnya, tetapi bersungguh-sungguh melakukan apa yang Allah perintahkan. Oleh itu, dia menjalani hari-hari hidupnya dengan membezakan di antara halal dan haram, di antara betul dan salah, di antara baik dan jahat, dan ini semuanya dengan kesedaran yang cukup dan pilihan yang penuh dari dirinya sendiri.

Peringkat keempat dan yang paling tinggi sekali di antara peringkat-peringkat ini ialah **'ihsan'**. Ertinya bahawa kehendak hamba itu disebatikan dengan kehendak Tuhan, sehingga dia tidak menyukai melainkan apa yang disukai oleh Allah dan tidak membenci melainkan apa yang dibencikan oleh Allah. Tidak sahaja dia memadai dengan menghindarkan dirinya daripada kejahatan-kejahatan dan kemungkaran-kemungkaran sepertimana yang dikehendaki oleh Allah supaya bumi ini bersih daripadanya, malah dia juga tidak mengenal penat berusaha dan berjuang untuk membungkaskan pokok dan akar-umbinya daripada bumi ini. Dia tidak sahaja memadai sekadar menghiaskan hidupnya dengan kerja-kerja mulia dan kebajikan sepertimana yang Allah mahu supaya bumi ini terhias dengannya, malah dia juga mencurahkan segala kekuatan yang dimilikinya tanpa bakhil dan kikir untuk menyibarkan segala kebaikan dan kebajikan di bumi Allah yang luas ini. Sekiranya dia ditakdirkan sampai kepada darjat yang tinggi ini, berjayalah dia mendampingi diri dengan Tuhan. Kerana itu, ihsan adalah setinggi-tinggi tingkatan yang boleh dicita-citakan oleh seseorang dalam ketinggian ruhaninya.

Inilah dia jalan ketinggian ruhani dan kegemilangannya di dalam Islam. Ianya tidak sahaja terbatas di sisi para individu, malah melampaui mereka kepada kelompok-kelompok manusia dan bangsa-bangsa. Tiap-tiap umat boleh melewati peringat-peringkat iman, taat-setia dan taqwa, lantas sampai ke kemuncak ihsan seperti individu itu juga. Begitu juga tiap-tiap negara boleh menjadi negara Islam, beriman, bertaqwa dan sampai kepada darjat ihsan dengan sistemnya yang sempurna, bahkan Islam tidak mungkin sampai kepada cita- citanya dan matlamatnya yang ditujukan itu melainkan bilamana umat Islam seluruhnya berjalan di atas jalan ini, dan bila mana terbentuknya di bumi Allah ini sebuah negara yang terhias dengan taqwa dan ihsan.

Sekarang patutlah kita menguji dan memahami sistem pendidikan ruhani yang dipilih oleh Islam dan yang telah dilukiskan plannya dan dibangunkan tonggak-tonggaknya supaya para anggota masyarakat dilahir serta diasuh di atas ketinggian ruhani yang khusus ini. Sistem ini mempunyai empat rukunnya:

Pertamanya **sembahyang**: Ianya memperbaharui ingatan kepada Allah Yang Maha Esa di dalam fikiran seseorang sebanyak lima kali dalam sehari semalam, menakutkannya daripada kemurkaan dan siksaan Allah yang bersangat, menggemarkannya terhadap rahmat Allah serta pendekatan diri kepadaNya,

membentangkan kepadanya hukum-hukum Allah dari semasa ke semasa dan melatihkannya agar taat dan patuh terhadap segala titah perintahNya. Kemudian sembahyang ini tidak difardukan ke atas hamba-hamba Allah dengan sifat individu mereka sahaja, malah Allah mewajibkan juga ke atas mereka supaya menunaikan sembahyang-sembahyang mereka itu secara berjamaah.

Keduanya **puas**a: Ianya melatihkan orang-orang Islam dan masyarakat Islam atas taqwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala selama sebulan cukup pada tiap-tiap tahun.

Ketiganya **zakat**: Ianya menimbulkan rasa persaudaraan dan persamaan di dalam hati orang-orang Islam dan menggalakkan mereka mengeluar belanja dan bantu-membantu sesama mereka. Di antara yang dikesalkan di dalam hubungan ini ialah, bahawa banyak orang dewasa ini memanggil zakat itu dengan perkataan cukai, padahal makna yang sangat luhur yang ada pada zakat dan yang dikehendaki oleh Tuhan itu pada pokoknya tidak ada apa-apa hubungan pun dengan makna kebendaan yang ada pada cukai. Zakat dari segi bahasanya membawa erti tumbuh, subur, berkembang, bersih dan suci. Apa yang dikehendaki oleh Islam dengan penggunaan perkataan zakat itu ialah supaya tertanam di dalam fikiran seseorang, bahawa engkau tidak mengeluarkan belanja mata-benda, sedikit atau banyaknya, dalam usaha membantu saudaramu kerana menuntut keredaan Allah, melainkan belanja tersebut akan kembali semula kepadamu dengan keteguhan dan kekuatan hatimu dan dengan kejernihan sifat-sifat akhlaqmu juga kebersihan tingkah-lakumu seluruhnya.

Keempatnya **haji**: Ianya menjadikan orang-orang Mu'min di berbagai-bagai pelusuk bumi ini sebagai satu block yang kental dan sebagai satu jamaah antarabangsa yang berasaskan tauhid dan penyembahan Allah yang Esa. Dengan itu dia membentukkan di kalangan mereka persaudaraan international yang Syumul, dan menunjangkan tonggak-tonggak gerakan international yang sejak zaman silam sampai sekarang masih lagi menerima seruan kebenaran di bumi ini, dan akan terus menerimanya buat selama-lama - Insya'Allah. Wa akhiru da'wana anil hamdulillahi rabbil 'alamin.